AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

# فليتا بروني
# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 18 | RABU 6 MEI, 1987. | رابو 7 رمضان 1407 | PERCUMA

# PERUBAHAN SISTEM LALU-LINTAS PUSAT BANDAR 10 MEI

Oleh Ahat Hj. Ismail

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa laluan jalan-jalan raya di ibu negara telah diubahsuai dengan dijadikan jalan sehala. Perubahan tersebut berkuatkuasa mulai pada 10 Mei ini.**

Menurut Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Ahmad Bukhari PSRK Hj Hanifah, jalan-jalan yang terlibat ialah Jalan Pemanca, sebahagian Jalan Kianggeh, Jalan Mac Arthur, dan sebahagian daripada Jalan Pretty.

"Perubahan ini dilakukan disebabkan kesibukan yang terdapat di jalan-jalan berkenaan yang selalu dihadapi oleh pengguna-pengguna jalan raya terutama di waktu-waktu bekerja. Dengan pengubahan ini setentunya segala masalah itu akan dapat diatasi," ujarnya.

Juga termasuk dalam pengubahsuaian ini ialah Jalan Robert, di mana kenderaan dari Jalan Mac Arthur yang hendak membelok ke Jalan Robert akan melalui jalan sebelah kanan dan keluar melalui Jalan Pemanca. Manakala kenderaan dari arah Jalan Pemanca yang hendak membelok ke Jalan Robert akan melalui jalan sebelah kanan dan keluar menuju ke Jalan Pretty.

**RAJAH mengenai dengan perubahan sistem lalulintas pusat bandar untuk kesenangan orang ramai disiarkan di muka 13.**

Lihat muka 20



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima kunjungan hormat Duta Besar Amerika Syarikat ke negara, ini Tuan Yang Terutama Tuan Barrington King. Berita lanjut di muka 20. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Kebawah D.Y.M.M. utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Koningin Beatrix Wilhelmina Armgard, Queen Netherlands dan kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden bersempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda masing-masing pada 30 April, 1987.

## Usahawan Melayu digesa

# Tumpu perhatian di luar bidang pembinaan

Oleh Ahat Hj. Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Menteri Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap menggesa usahawan-usahawan Melayu menumpukan perhatian mereka di luar bidang pembinaan di bidang-bidang seperti pertanian, perikanan, dan perindustrian.

Rancangan Kemajuan Negara ke-5 katanya, memusatkan peluang-peluang bagi peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu untuk menjadi pemimpin dalam perusahaan dan perdagangan.

Menurutnya pada masa ini sudah terdapat satu golongan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu yang diperlukan sebagai asas ke arah mencapai hasrat dan cita-cita Kerajaan.

Berucap merasmikan mesyuarat agung kali ke-8 Syarikat Kerjasama Kontraktor dan Peniaga Bumiputera di Rumah Persingahan pada 25 April lepas beliau menyatakan 'competence' di bidang yang menjadi tumpuan pembinaan itu perlu dipelbagaikan dengan penglibatan di bidang-bidang lain.

Bagaimanapun kemajuan negara yang sebenarnya belum lagi boleh dikatakan sudah tercapai selagi bidang-bidang tersebut masih di dalam keadaan mundur.

Lihat muka 20

## PETIKAN TITAH

**"Dalam mengatur rancangan-rancangan pembangunan bagi negara ini, Kerajaan Beta, insya-Allah, akan sentiasa merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan yang realistik yang berasaskan pandangan yang jauh dan pengkajian yang teliti semata-mata untuk menambahkan lagi kebahagiaan rakyat dan penduduk negara ini, meninggikan taraf hidup mereka dan menjamin kebahagiaan hidup itu supaya tidak akan tergugat oleh anasir-anasir yang tidak diingini."**

*Dititahkan sempena Hari Keputeraan Baginda ke-36 tahun di Istiadat Mengadap di Lapau pada 15 Ogos, 1982.*

## Kadar bayaran Zakat Fitrah

DIMAKLUMKAN kepada semua umat Islam di seluruh negara bahawa menurut Mazhab Shafiee Zakat Fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan di negara ini ialah beras, maka Zakat Fitrah sah dikeluarkan dengan beras. Anggaran Zakat Fitrah menurut timbangan di negara ini ialah 2 kilo 268g bagi tiap-tiap seorang Islam.

Menurut Mazhab Hanafi bahawa adalah sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan nilai mata wang.

Oleh kerana harga beras yang biasa dimakan di negara ini telah pun ditetapkan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, sebagai berikut: —

a) Daerah Brunei. = $3.00 segantang

b) Kawasan Muara dan Daerah Temburong. = $3.05 segantang

c) Kawasan Seria dan Daerah-Daerah Belait dan Temburong. = $3.10 segantang

Maka nilai beras bagi 2 kilo 268g (kadar timbangan beras) yang wajib difitrahkan adalah seperti berikut: —

a) Daerah Brunei. = $1.87½ sen

b) Kawasan Muara dan Daerah Tutong. = $1.90 5/8 sen.

c) Kawasan Seria dan Daerah-Daerah Belait dan Temburong = $1.90¾ sen.

Maka adalah dimaklumkan bahawa Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di negara ini bagi tahun Hijrah 1407 bersamaan dengan tahun Masihi 1987 adalah sah dikeluarkan menurut salah satu daripada cara-cara di bawah ini: —

i) Mengeluarkan beras sebanyak 2 kilo 268g atau

ii) Boleh bertaklid (mengikuti) Mazhab Hanafi dengan mengeluarkan nilai harga beras 2 kilo 268g, seperti yang dinyatakan di para (4) di atas dengan mengikut kawasan masing-masing.

Zakat Fitrah wajib dikeluarkan mulai Hari Raya Aidilfitri hingga Imam mendirikan sembahyang Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus Zakat Fitrah itu dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan (puasa).

## MANISNYA IMAN

"DUA doa yang tidak ada penghalang antaranya dengan Allah : (iaitu) doa orang yang teraniaya dan doa seseorang kepada saudaranya dari tempat lain." — Hadis riwayat Tabarani daripada Ibnu Abbas.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

6 MEI, 1987

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## MENGHASILKAN PEMANDU BERDISIPLIN

PERWUJUDAN undang-undang bagi penubuhan Sekolah Mengajar Memandu yang diperkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana yang dijelaskan oleh Menteri Perhubungan baru-baru ini, merupakan suatu lagi langkah yang dirangkakan oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk menjamin bahawa jalan raya yang ada akan sentiasa menjadi suatu laluan yang selamat kepada setiap pengguna.

Strategi sedemikian itu juga jelas menunjukkan bahawa pihak Kerajaan selamanya tidak sunyi, tidak lengah, malah tidak bersikap mengabaikan kewajipan mereka dalam mengamati kebijakan dan keselamatan rakyat dan penduduk negara ini dalam ehwal lalulintas yang semakin berfungsi sebagai penghubung dan pengangkutan yang cepat, mudah dan murah dalam urusan kehidupan harian kita hari ini.

Dari peranan dan perancangan yang difikirkan itu, kita setentunya mengharapkan ianya akan memberi manfaat dan kebijakan serta kejayaan yang berterusan dalam usaha-usaha kita mengurangkan kejadian-kejadian kemalangan di jalan raya yang sejak akhir-akhir ini telah menjadi suatu 'medan' tempat berlakunya kematian dan kecacatan yang mungkin ditanggung deritanya seumur hidup.

Jelaslah semangat untuk mewujudkan undang-undang sedemikian itu tidak akan mendatangkan faedah atau untuk mengurangkan kesedihan dan kekecewaan masyarakat kita andainya setiap pengguna terutama para pemandu tidak memperlihatkan sikap positif, berdisiplin dan patuh kepada undang-undang dan peraturan lalulintas yang sedia ada.

Pihak-pihak Kerajaan yang berwajib seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kenderaan Darat, Jabatan Kerja Raya serta Majlis Keselamatan Jalan Raya Kebangsaan hanya mampu merancang, menyediakan dan melaksanakan kehendak undang-undang dan peraturan yang diwujudkan itu, manakala untuk menghasil dan memperlihatkan manfaatnya ialah para pemandu kenderaan dan lain-lain pengguna jalan raya itu sendiri kerana merekalah orang-orang yang sentiasa berperanan dan menjadi pelaku di jalan-jalan raya setiap hari.

Berbagai kalimat atau simbol-simbol kata telah diciptakan yang maksudnya bertujuan semata-mata untuk memberi kesedaran dan keinsafan kepada setiap pengguna jalan raya terutama para pemandu kenderaan. 'Pandu Laju Kubur Menunggu', 'Bermaruah Ketika Di Jalan Raya', 'Bertolak Ansur Di Jalan Raya' dan sebagainya merupakan kalimat-kalimat atau simbol kata yang mengajak para pemandu kenderaan sentiasa mematuhi peraturan lalulintas dan berdisiplin. Namun betapa pun keindahan bunyinya sedemikian 'Keselamatan Jalan Raya Di Tangan Awda', masih lagi terdapat sikap setengah-setengah pengguna jalan raya yang sengaja mencari bala yang antaranya memandu tanpa lesen, membawa penumpang yang berlebihan, memandu laju, mengubahsuai kenderaan, tidak mengikut tanda-tanda lalulintas dan sebagainya. Sikap sedemikian ini jelas memperlihatkan ketiadaan disiplin seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan lalulintas yang ada.

Semogalah dengan adanya undang-undang baru ini, harapan pihak Kerajaan dan juga masyarakat seluruhnya di negara ini akan berhasil, supaya setiap pemandu yang menjalani latihan-latihan memandu yang diajarkan oleh jurulatih-jurulatih yang berkemahiran dari sekolah berkenaan itu nanti akan benar-benar berpotensi sebagai pemandu yang terlatih dan sempurna. Dan dengan itu juga keinginan kita untuk melihat setiap sudut jalan raya yang ada sentiasa bersih dari tumpahan darah atau taburan kaca-kaca kenderaan dan dari apa jua bentuk kemalangan yang tidak kita ingini.

# MENGURANGKAN KEMALANGAN JALAN RAYA

# Pemandu perlu utamakan disiplin



*TEKS ucapan ... Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Perhubungan di Majlis Perhimpunan Khas Kementerian Perhubungan yang diadakan di Dewan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah pada 26 April 1987.*

SAYA dengan amat sukacita mengalu-alukan kedatangan semua kakitangan Kementerian Perhubungan yang mengandungi enam buah jabatan ini dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih serta penghargaan atas susah payah Tuan-tuan dan Puan-puan semua mengorbankan hari kelepasan ini bagi menghadiri satu perjumpaan yang kita adakan sekarang. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan kepada tuan-tuan dan puan-puan semua ganjaran yang tidak terhingga atas pengorbanan yang sama-sama kita usahakan pada hari ini.

Kepada Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz, Kaola sukacita juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas kesudian Pehin hadir pada pagi ini pada menyampaikan hajat abis kaola semua bagi sama-sama memohon keberkatan dan mengharapkan kemanfaatan dari hujah-hujah atau syarahan yang Pehin insya-Allah akan sampaikan an selepas ini.

Majlis yang sama-sama kita sertai pada pagi ini sebenarnya telah dirancang untuk diadakan lebih awal iaitu bersempena dengan sambutan Israk Mikraj yang jatuh pada hari Sabtu, 28 Mac, yang lalu. Tetapi, oleh kerana beberapa kesulitan maka terpaksalah tarikhnya itu ditunda hingga pada hari ini. Marilah kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang telah membolehkan majlis yang berkebajikan ini diadakan pada hari ini yang masih mempunyai tujuan yang sama dan ditambah pula bagi menyambut atau memasuki bulan yang sangat terbilang iaitu bulan Ramadan.

### Punyai kaitan

Dari aspek tugas-tugas dan tanggungjawab Kementerian Perhubungan nyatalah pada kita peristiwa Israk Mikraj itu mempunyai kaitan atau significant yang khusus dan tersendiri kerana seluruh peristiwa Israk Mikraj itu banyak menyentuh aspek-aspek perhubungan iaitu sama ada perhubungan darat di mana Nabi besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah melintasi padang pasir yang luas dalam perjalanannya dari Mekkah ke Baitulmukaddis yang merupakan perjalanan darat dan sekarang di zaman moden kita memakai berbagai-bagai jenis kenderaan darat di atas jalan-jalan raya yang moden dan nabi besar kita telah menggunakan borak' dari Baitulmukaddis ke langit sehingga ke tingkat yang ketujuh yang merupakan perhubungan udara dan sekarang perhubungan-perhubungan itu merupakan pemakaian berjenis-jenis kapal terbang. Demikian juga berbagai perutusan yakni mesej yang disampaikan melalui malaikat yang berkenaan di antara Allah Subhanahu Wataala dengan nabi besar kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan yang sekarang kita berhubung melalui telefon, Telex, Facsimile, Perkhidmatan Pos seperti surat menyurat dan seumpamanya. Peristiwa Israk Mikraj mempunyai perhubungan langsung dengan tugas-tugas Kementerian Perhubungan yang mana Alhamdulillah kita semua telah ditakdirkan untuk menjadi daya penggeraknya. Dengan sebab itulah, sudah kena pada masa dan tempatnya kita sama-sama memohon khidmat yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam yang akan menyentuh Insya-Allah, secara langsung aspek-aspek perhubungan dari pandangan Islam atau dalam terminology sekarang ialah "Islamisasi Perhubungan."

Menyentuh sedikit tentang satu aspek perhubungan yang sama-sama kita alami pada masa ini ialah masalah kemalangan jalan raya yang sekarang sedang meningkat ke satu peringkat yang seharusnya mengkhuatirkan semua pengguna-pengguna jalan raya dan masyarakat Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini. Bilangan kemalangan-kemalangan yang mengakibatkan berbagai-bagai kecederaan dan kematian terus meningkat dan sekarang bolehlah dikatakan kematian-kematian yang berlaku akibat kemalangan-kemalangan ini sudah menjadi salah satu sebab utama kematian di Negara Brunei Darussalam iaitu selain daripada penyakit-penyakit moden seperti penyakit jantung, kencing manis, darah tinggi dan lain-lain lagi. Dari analisa-analisa yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan nyatalah antara sebab-sebab kemalangan ialah kecuaian pemandu-pemandu yang telah melanggar peraturan-peraturan memandu dan peraturan-peraturan serta tata-tertib jalan raya; iaitu pemandu-pemandu yang kurang bertimbang rasa, yang laju, yang leka, yang tidak mengindahkan tanda-tanda jalan raya, pemandu-pemandu yang tidak memberi isyarat, yang berkenderaan dalam keadaan yang membahayakan, yang bermuatan lebih, yang memasang bukan roda asal, yang keretanya berasap, pemandu yang tidak berlesen terutamanya yang berumur rendah dan seumpamanya. Barang setentunya pengguna-pengguna jalan raya dengan izin Allah akan dapat menghindarkan kemalangan-kemalangan di jalan raya melalui usaha pada mematuhi peraturan serta tata-tertib dan undang-undang jalan raya yang sedia ada. Pihak-pihak yang berwajib seperti pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Pengangkutan Darat serta Majlis Keselamatan Jalan Raya hanya dapat menghulurkan nasihat-nasihat dan mengadakan kempen-kempen supaya pengguna-pengguna jalan raya akan sentiasa mematuhi undang-undang dan disiplin yang telah ditetapkan; tetapi hasil yang diharapkan dalam bidang ini hanya akan pupus pencapaiannya dengan adanya response yang sepenuhnya dari semua pengguna-pengguna jalan raya. Jika pengguna-pengguna jalan raya tegasnya pemandu-pemandu kenderaan yang berbagai jenis tidak mengindahkan atau kurang mengambil indah, tentulah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan itu akan kurang mencapai kejayaan dan akibatnya bertambahlah bilangan kemalangan-kemalangan jalan raya yang merupakan berbagai-bagai peringkat kecederaan termasuk kematian itu. Sebaliknya, jika pengguna-pengguna jalan raya tegasnya pemandu-pemandu kenderaan itu mematuhi sepenuhnya disiplin jalan raya, insya-Allah sekurang-kurangnya kita akan dapat menyedikitkan kalau tidak pun menghapuskan kemalangan-kemalangan di jalan raya dan terselamatlah kita dari bahaya-bahaya jalan raya yang sedang kita alami pada masa ini.

Di majlis yang berkebajikan ini, saya ingin mengambil kesempatan melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya, untuk merekodkan penghargaan yang setinggi-tingginya atas usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pasukan Polis Diraja Brunei dalam kempennya supaya pemandu-pemandu khususnya akan sentiasa mematuhi disiplin jalan raya dan mengalu-alukan terhadap iklan-iklan dan daya usaha yang terus diadakan oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad bersama dengan Jabatan Pelajaran, Jabatan Kerja Raya dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Darat. Bersabit dengan usaha-usaha Jabatan Pengangkutan Darat ini, saya ingin memaklumkan dengan rasminya bahawa ... kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ... undang-undang telah diwujudkan bagi penubuhan Sekolah Mengajar Memandu (driving school) pada ... semua jurulatih memandu akan mendapat latihan-latihan yang tertentu ... berkurikulum dan ... hanya jurulatih-jurulatih memandu yang terlatih ... dibenarkan ... memberikan latihan-latihan kepada bakal-bakal pemandu melalui penubuhan sekolah-sekolah memandu ... Dengan corak ini, ... Negara Brunei Darussalam insya-Allah akan dapat mengeluarkan pemandu-pemandu kenderaan yang terlatih dan lebih ... dan peraturan-peraturan ... juga akan dapat ... atau menimbulkan ... kestabilan mata pencarian sebagai jurulatih-jurulatih memandu dan juga ... mempastikan supaya ... bakal pemandu akan ... dapat latihan-latihan yang berkualiti, seimbang dengan bayaran yang dikenakan kepada mereka untuk mendapatkan pengajian dalam hal-ehwal memandu. ... pada keseluruhannya masyarakat Negara Brunei Darussalam, insya-Allah akan mendapat kemanfaatan ... undang-undang yang ... dikurniakan perkenan ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini. Semoga Allah Subhanahu Wataala memberkatinya.

Maka dengan itu sekali ... saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Dimuliakan Pehin ... syarah pada pagi ini ... akhirnya, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih serta penghargaan kepada seluruh tenaga yang ... dikan dirinya pada ... jayakan atau mengung... kan majlis yang kita adakan pada pagi ini.

# BIDANG USAHASAMA BERTAMBAH AKTIF

Oleh Ishak Othman

BERAKAS. — Perkembangan di bidang usahasama bertambah aktif dan pertumbuhannya masih lagi terbuka. Demikian menurut Dato Paduka Haji Selamat bin Munap, Timbalan Menteri Pembangunan ketika merasmikan seminar usahasama untuk pemborong-borong yang berdaftar dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad (BSP).

Menurutnya, hal itu suatu berita yang baik terutama kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu di negara ini.

Di majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 27 April itu, Dato Paduka Haji Selamat berkata, perlaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Kelima antara lain bertujuan untuk menggalak dan membimbing rakyat Melayu sebagai pemimpin dalam bidang perusahaan dan perdagangan.

"Kenyataan ini patut menjadi perangsang bagi peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu untuk bertarung di dalam dunia perusahaan dan perdagangan dengan lebih gigih dan cekal," ujar Dato Paduka Haji Selamat.

Dato Paduka Haji Selamat berkata, usahasama atau 'joint-venture' bukanlah semudah yang disebutkan untuk mempraktikkan kesesuaiannya dengan tujuan kita supaya pertumbuhannya akan mendatangkan hasil yang maksima kepada usahawan Melayu bukan saja dalam bentuk wang ringgit malah juga pemindahan kemahiran dan teknologi.

Turut berucap dalam seminar dua hari itu ialah Pengarah Urusan BSP, Nico van Dijk. Beliau berkata seminar tersebut bertujuan untuk mengadakan pengenalan, pengetahuan dan pembelajaran dalam urusniaga usahasama kepada peserta seminar.

Seramai 50 orang peserta menghadiri seminar itu yang dipengerusikan oleh Niel Gaskell, Pengurus Kewangan BSP yang juga telah menyampaikan sijil dan hadiah kenangan kepada peserta.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap, Timbalan Menteri Pembangunan.

# Kejohanan Helikopter Antarabangsa ke-7

Oleh Ahat Hj. Ismail

PERKHEMAHAN BERAKAS. — Tentera Udara Republik Singapura muncul sebagai juara keseluruhan Kejohanan Helikopter Antarabangsa kali ke-7, dengan memperolehi mata keseluruhan 731 di hari terakhir kejohanan itu di Padang Polo Berakas Sabtu 25 April lepas.

Dalam pusingan pertama di peringkat akhir itu, mereka mendapat 421 mata dan dalam pusingan kedua pula mereka memperolehi 310 mata.

Naib juara keseluruhan disandang oleh Pasukan Kedua Skuadron Tentera Udara ·ABDB dengan memperolehi 689 mata. Tempat ketiga ialah Pasukan C Flight Army Air Corps (AAC), dengan memungut mata berjumlah 625, keempat Pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan 409 mata, manakala tempat kelima ialah Pasukan Pertama Skuadron Tentera Udara ABDB dengan memperolehi 229 mata.

Sementara itu Pegawai Warant II Cooper dan Lance Kopral Rose dari AAC menjuarai bahagian navigation. Tempat kedua disandang oleh Leftenan Kamaluddin dan Kopral Marzlan, dari Pasukan Pertama Skuadron Tentera Udara ABDB.

Acara Precision dimenangi oleh Kapten Karim dan Sgt. Andi Abang dari ABDB, dan tempat kedua ialah Kapten Yusof dan Sgt. Kumar dari TUDM.

Di hari terakhir kejohanan empat hari itu ialah ujian ketetapan penerbangan dengan membawa rantai melalui beberapa pagar di mana dalam waktu yang sama anak buah kapal bekerja keras mematikan perangkap-perangkap tikus untuk dibawa ke garisan penamat. Kemudian diikuti pula dengan membawa muatan seberat 600 paun, dibawa melalui pagar untuk diletakkan ke tempat sasaran.

Terdahulu sebelum itu, satu upacara singkat penyampaian lencana terbang kepada 13 orang juruterbang yang baru dan seorang anak penerbangan telah berlangsung di sini yang disampaikan oleh Ketua Turus ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Mejar Jeneral Haji Mohammad.

Kejohanan pada hari itu diserikan dengan pertunjukkan penerbangan helikopter serta acara terjun payung gaya bebas dan kerjasama di udara oleh anggota PATDU.



SALAH seorang daripada 13 orang juruterbang yang menerima lencana terbang daripada Ketua Turus ABDB. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## Bermesra dengan sistem metrik...

Berdasarkan kepada 1 in² = 6.4516 cm²
1 cm² = 0.155 in²

| in² | cm² |
|---|---|
| 1 | 6.45 |
| 2 | 12.90 |
| 3 | 19.35 |
| 4 | 25.81 |
| 5 | 32.26 |
| 6 | 38.71 |
| 7 | 45.16 |
| 8 | 51.61 |
| 9 | 58.06 |
| 10 | 64.52 |
| 20 | 129.03 |
| 30 | 193.55 |
| 40 | 258.06 |
| 50 | 322.58 |

| in² | cm² |
|---|---|
| 1 | 0.15 |
| 2 | 0.31 |
| 3 | 0.46 |
| 4 | 0.62 |
| 5 | 0.77 |
| 6 | 0.93 |
| 7 | 1.08 |
| 8 | 1.24 |
| 9 | 1.39 |
| 10 | 1.55 |
| 20 | 3.10 |
| 30 | 4.65 |
| 40 | 6.20 |
| 50 | 7.75 |

Jika awda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai Sistem Metrik bolehlah menghubungi Pejabat Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau telefon 44660.

# COCI — ASEAN rancangkan 13 buah projek kebudayaan

Oleh Bolhassan HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — COCI — ASEAN sedang merancang 13 buah projek kebudayaan dan penerangan di antara negara-negara ASEAN dengan Australia dalam hubungan konsep ASEAN untuk menjadikan rantau ini sebagai Zone of Freedom, Peaceful and Neutrality atau ZOFPAN.

Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani menyatakan demikian di majlis penyampaian sijil bagi kursus Rancangan Dokumentari ASEAN — Australia Khamis lalu, berkata rancangan itu merupakan langkah positif untuk merapatkan kerjasama di bidang kebudayaan dan penerangan dan menggalakkan rasa persefahaman dan kesedaran mengenai nilai-nilai kebudayaan di kalangan rakyat ASEAN.

Tegasnya, kegiatan Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan (COCI) merangkumi berbagai bidang projek yang luas. Seperti tahun-tahun yang lalu, jangkamasa 1986/87 telah memperlihatkan kesinanbungan usaha gigih yang tiada pernah kendur-kendurnya semata-mata untuk mencapai matlamat hubungan kerjasama di rantau ini.

Dalam usaha untuk terus melaratkan lagi penglibatan kerja kedua-dua bidang itu, jawatankuasa tersebut telah menekankan perlunya kerjasama dan kesungguhan oleh negara rakan dailog yang maju dengan harapan akan terus diusahakan 'technologi transfer' kepada rakyat rantau ini dengan sebaik-baiknya.

Menyentuh mengenai kursus tersebut, Pengiran Badaruddin menjelaskan di penutup kursus yang berlangsung di Rumah Kerajaan di sini berkata ianya dapat untuk bertukar-tukar pandangan dan pengalaman serta technical know how di bidang rancangan radio khususnya bidang dokumentari.

Katanya, kerana kedudukan radio kita akan mengetahui secara dekat mengenai kehidupan kebudayaan, ekonomi dan politik negara-negara ASEAN yang mana semuanya ini menjadi asas bagi pertumbuhan kesedaran para pendengar radio, yang sebahagian besarnya terdiri daripada golongan belia yang bakal menjadi pemimpin ASEAN di masa hadapan.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang mengikuti kursus Rancangan Dokumentari ASEAN — Australia ketika hadir di majlis penyampaian sijil baru-baru. — Gambar oleh Harun Rashid.

# Jualan ulang tahun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Perbekalan Kerjasama, Jabatan Kemajuan Kerjasama mulai awal Mei ini akan mengadakan jualan ulang tahun bagi tahun 1987 bertempat di kawasan pusat tersebut di Gadong.

Pengurus Am pusat berkenaan, Awang Mustafa bin Haji Abd. Rahman menjelaskan jualan tersebut yang bermula pada hari Jumaat, 1 Mei adalah berupa pakaian kanak-kanak dan orang dewasa termasuk kasut, stokin dan sebagainya. Jualan ini akan berakhir sehingga 24 Mei.

Sementara barang-barang keperluan lain seperti biji jagus, minuman dalam tin, kek, biskut, barang-barang makanan yang ditinkan, beras wangi serta keperluan untuk hari raya akan dijual mulai pada 10 Mei hingga 24 Mei.

Semua jualan akan dibuka mulai jam 9.00 pagi dan berakhir hingga jam 5.00 petang.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-379

# NYANYIAN

**Bahagian terakhir**



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

**Kata-kata ulama dalam mazhab yang empat mengenai hiburan :**

BERKATA Al-Allamaah Ibnu Qudaamah Al-Hanbali dalam kitabnya bernama Al-Mughni: Hiburan itu ada tiga macam:

1. **Haram :** Memalu tali-tali alat permainan dan alat-alat yang ditiup dan gambus dan tambur dan lain-lain alat hiburan, maka barangsiap sentiasa senghaja mendengarnya, maka ditolak saksinya kerana diriwayatkan daripada Sayidina Ali Radhiallahu Anhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang ertinya: Apabila nyata ada pada umat saya 15 perkara nescaya bala akan menimpa mereka, maka Baginda sebutkan: Apabila nyata alat-alat nyanyian dan alat-alat hiburan (sekarang telah nyata barang dijauhkan bala petaka dari negeri kita) ....

2. **Mubah :** Iaitu Duf iaitu kompang, kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim yang ertinya: Hendaklah kamu nyatakan kerja kahwin itu kepada orang dan hendaklah kamu palu kompang kerana kahwin itu .....

3. **Makruh:** Iaitu palu kayu pada kayu itu makruh, apabila dicampurkan dengan yang haram atau dengan yang makruh seperti bertepuk tangan atau nyanyi atau tari, kiranya tiada dicampurkan dengan yang haram atau yang makruh maka perbuatan itu tiada makruh kerana dia bukan alat dan tiada memberi riang dan tiada orang mendengar akannya dengan palu kayu itu bersalahan alat-alat hiburan apabila dipalu maka orang senghaja mendengarnya. Mazhab Al-Imam Ash-Shafi'ei juga mengikut huraian yang kita sebutkan di atas ini.

**Perkara nyanyian :**

.........bagaimanapun barangsiapa menjadikan nyanyian suatu hobi orang datang kepadanya, atau ia datang pada nyanyian itu atau ia menyimpan budak laki-laki menyanyi atau budak perempuan menyanyi, dan ia himpunkan kedua-duanya pada majlis orang ramai, maka orang itu ditolak saksinya kerana perbuatan itu pada orang yang tiada mengharamkan nyanyian adalah safah (kurang akal), rendah moral, jatuh maruah dan pada orang yang mengharamkan maka perbuatan itu serta kurang akal (safah) maka ia telah derhaka kepada Allah dan senghaja berlarut dengan derhaka itu dan menampakkan fasik dan derhakanya itu, dengan pendapat ini juga Al-Imam Ash-Shafi'ei telah berkata, dan ulama ahli Ar-Raaei yakni ulama Hanafiah berkata...........

**Perkara Hudaa':**

Nyanyi-nyanyi orang yang membawa unta adalah mubah tiada mengapa dibuat dan didengar akannya ......

Begitu juga nyanyi orang Arab pedalaman dan lain-lain nyanyian yang tiada sampai had berlagu .....

Ini setengah-setengah kata ulama mazhab Hanbali dalam perkara lagu dan nyanyian.

Tersebut dalam kitab Al-Fiqhu 'Alal Mazahibil Arba'ah karangan Al-Allamaah Ash-Shaikh Abdur Rahman Al-Jaziri Rahimahullahu Taala, guru di bahagian-bahagian yang lebih tinggi di Al-Azhar Ash-Sharif maka ia telah menyebutkan hukum menyanyi dengan luas dalam bahagian Al-Hadzaru Wal Ibahah juzuk kedua dari kitabnya itu menurut mazhab-mazhab yang empat, sebagaimana apa yang telah kita naqalkan dahulu dari ini.

**Katanya dalam Mubaahathul Ijaarah (sewa-menyewa):**

1. Dalam mazhab Hanafi: Tiada sah menyewa kerana membuat perkara maksiat dan derhaka seperti menyanyi, meraung dan hiburan ....

2. Dalam mazhab Maliki: Sewa kerana mengajar menyanyi tiadalah sah, ..... dan tiada harus dengan mendengar sesuatu dari nyanyi melainkan menyanyi di atas wazan atau atas timbangan Atainakum Atainakum ... dan tiap-tiap tiada mubah dan tiada harus maka tiada sah disewakan..... seperti menyewa alat-alat hiburan ..... kerana menggunakannya dan mendengarnya adalah haram, begitulah juga haram harganya dan sewanya.

3. Dalam mazhab Shafiei: Tiap-tiap benda yang boleh diambil manfaat pada segi syarak serta kekal ainnya maka sah disewa dari itu tiada sah menyewa alat-alat hiburan. Adapun tambur maka sah disewa.

4. Dalam mazhab Hanbali: Sah sewa mengajar khat, mengajar hisab dan mengajar syair yang mubah bukan makruh dan haram dan yang seumpama syair itu.

Katanya ini mengikut qaul yang rajih yang muktamad dalam mazhab yang empat itu.

WALLAHUAKLAM

# Rumahtangga pendidikan pertama yang berkesan

Oleh: Zubaidah Haji Salat

BERAKAS. — Rumahtangga dan keluarga merupakan alam pendidikan pertama dan utama yang sangat berkesan dalam jangka panjang bagi menghadapi pengaruh-pengaruh anti sosial.

Berucap demikian, Dato Paduka Ustaz Haji Abdul Saman bin Kahar, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama juga menegaskan rumahtangga sebagai tempat pertama bagi anak-anak dan belia-belia memahami nilai-nilai dan ciri-ciri kehidupan yang baik dan berguna, khususnya bagi perkembangan ugama, pembangunan masyarakat dan negara.



DATO Paduka Awang Haji Abd. Saman bin Kahar, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Ustaz Haji Abdul Saman bin Kahar telah menegaskan perkara ini kepada kira-kira 300 orang pegawai dan kakitangan mewakili dari berbagai-bagai jabatan-jabatan di setiap kementerian di negara kita, yang mengikuti kursus Kefahaman Keluarga Mengikut Islam, yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah di sini 23 April lepas.

Dato Paduka Ustaz Haji Abd. Saman menaruh keyakinan bahawa keluarga mempunyai pengaruh dalam menentukan arah perkembangan masyarakat, pembangunan negara dan kepatuhan berugama. Menurutnya proses asuhan keugamaan di dalam keluarga harus menjelma di peringkat awal dalam diri setiap anggota masyarakat Islam.

Oleh yang demikian katanya, dengan adanya kursus demikian akan dapat membentuk serta membolehkan setiap keluarga yang mengikuti kursus memahami hukum-hakam Islam dalam keluarga masing-masing.

Ini juga menurutnya dapat membentuk belia-belia sebelum mereka melangkah ke alam perkahwinan untuk memahami tanggungjawab berkeluarga

"Kursus seperti ini juga kita harapkan akan berjaya mencapai matlamatnya untuk membentuk rumahtangga yang kukuh kerana dari keluarga yang kukuh insya-Allah akan lahir anggota masyarakat yang teguh," katanya.

Kursus Kefahaman Keluarga Mengikuti Islam yang diadakan sehari itu dihasratkan supaya setiap lapisan masyarakat Islam di negara ini dapat maklumat dan kefahaman yang mendalam mengenai hidup berkeluarga menurut ajaran Islam.

Menurut pihak penganjur, kursus tersebut akan diadakan dari semasa ke semasa mengikuti keutamaan para peserta. Sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan dalam kursus tersebut, antaranya ialah "Hukum Islam Mengenai Pertunangan, Pernikahan dan Perceraian" yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Kertas Kerja kedua yang bertajuk "Peranan dan Tanggungjawab di Dalam Sebuah Keluarga Islam dan Sebab-sebab Perceraian dan Cara-cara Mengatasinya" telah disampaikan oleh Pengarah Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned.

Sementara kertas kerja ketiga yang bertajuk "Nasihat-Nasihat Umum Untuk Keluarga Islam", disampaikan oleh Datin Hajah Kamaliah Suhaimi binti Mohd. Fadlullah Suhaimi. Di samping mendengar ceramah sesi perbincangan bersama penceramah juga diadakan.



WANITA amat memainkan peranan yang penting dalam membentuk keluarga. Dalam gambar kelihatan sebahagian daripada peserta wanita yang mengikuti kursus tersebut. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

## Waktu Sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 6 Mei hingga ke hari Selasa 12 Mei, 1987 adalah seperti di bawah ini :—

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATAHARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Mei | | | | | | | | | | | | |
| 6 | 12.19 | 3.36 | 3.37 | 6.26 | 6.27 | 7.38 | 7.39 | 4.55 | 4.42 | 4.56 | 6.07 | 6.08 |
| 7 | 12.19 | 3.36 | 3.37 | 6.26 | 6.27 | 7.38 | 7.39 | 4.54 | 4.41 | 4.55 | 6.07 | 6.08 |
| 8 | 12.19 | 3.37 | 3.38 | 6.26 | 6.27 | 7.38 | 7.39 | 4.54 | 4.41 | 4.55 | 6.07 | 6.08 |
| 9 | 12.19 | 3.37 | 3.38 | 6.26 | 6.27 | 7.38 | 7.39 | 4.54 | 4.41 | 4.55 | 6.06 | 6.07 |
| 10 | 12.19 | 3.37 | 3.38 | 6.26 | 6.27 | 7.39 | 7.40 | 4.53 | 4.40 | 4.54 | 6.06 | 6.07 |
| 11 | 12.19 | 3.37 | 3.38 | 6.26 | 6.27 | 7.39 | 7.40 | 4.53 | 4.40 | 4.54 | 6.06 | 6.07 |
| 12 | 12.19 | 3.38 | 3.39 | 6.26 | 6.27 | 7.39 | 7.40 | 4.53 | 4.40 | 4.54 | 6.06 | 6.07 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.**

**Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.**

## RAMADAN MERUPAKAN BULAN KEAMPUNAN

# Berlumbalah kita memohon keampunan




MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya. Di dalam Al-Quran Surah Al-Hadid ayat 21 Allah Subhanahu Wataala ada berfirman yang kira-kira tafsirannya: *"Berlumba-lumbalah untuk mencari keampunan dari Tuhan kamu dan untuk mencapai syurga yang keluasannya adalah seperti keluasan langit dan bumi, disediakan bagi orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya yang sedemikian itu adalah anugerah Allah yang dilimpahkan kepada siapa yang dikehendakinya dan Allah adalah memiliki kelebihan (anugerah) yang maha agung."*

Sebagai seorang makhluk Allah Subhanahu Wataala yang sifatnya lemah, yang sering melakukan kesilapan atau kesalahan atau melakukan dosa serta perkara mungkar yang ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala kerana tidak ada siapa pun yang bersifat maksum (terpelihara dari melakukan kejahatan atau kemungkaran) melainkan para Nabi atau para Rasul Allah, selain daripada mereka itu, maka tidak siapa yang terlepas daripada dosa atau maksiat sama ada melakukan kesalahan yang boleh mendatangkan dosa-dosa kecil atau dengan melakukan kesalahan yang boleh mendatangkan dosa-dosa besar.

Yang menyebabkan manusia itu terdorong melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan dosa, maka selain daripada perbuatan syaitan yang menghasut manusia melakukan kejahatan atau perkara-perkara mungkar, maka unsur yang payah manusia hendak mengelakkan diri daripadanya ialah menurut kehendak hawa nafsu kerana setiap manusia itu dibekalkan oleh Allah Subhanahu Wataala dengan nafsu dan tabiat semula jadi nafsu manusia itu ialah menyuruh dan membawa manusia ke arah kejahatan, ke arah melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum-hukum Allah.

Allah Subhanahu Wataala berfirman yang kira-kira maksudnya: *"Dan Aku tidak akan membebaskan diri (dari kesalahan) kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhan-ku."*

Sungguhpun demikian kejadian dan tabiat semula jadi manusia, akan tetapi Allah Subhanahu Wataala yang sifat-Nya maha pengasih, maha pengampun lagi maha luas kemurahan-Nya kepada hamba-Nya, maka lantaran itu sekalipun hamba-Nya itu telah melakukan kesalahan yang menyebabkan dia berdosa kepada Allah sama ada dosa kecil mahupun yang besar, kecuali dosa kerana menyekutukan Allah maka masih ada peluang bagi hamba-Nya itu untuk memohon keampunan daripada Allah, akan tetapi bagi dosa kerana menyekutukan Allah maka dosa yang sedemikian itu tidaklah ada pengampunan daripada Allah sebagaimana firman Allah di dalam surah An-Nisa ayat 48 yang kira-kira tafsirnya: *"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa mereka (menyekutukan Allah dengan sesuatu) dan Dia (Allah) mengampuni segala dosa yang lain itu bagi siapa yang dikehendaki dan siapa yang menyekutukan Allah maka sesungguhnya ia telah berbuat dosa yang besar."*

Kalau kita lihat kepada ayat Al-Quran yang mula-mula dibacakan tadi di mana menyatakan bahawa Allah menyuruh kita berlumba-lumba untuk memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wataala dengan erti kata yang lain setelah kita menyedari dan tahu bahawa diri kita melakukan dosa, melakukan sesuatu yang mungkar yang ditegah oleh Allah, maka sewajarnyalah kita dengan segera tanpa berlengah, supaya bermunajat kepada Allah untuk memohon keampunan, mudahan dengan cara itu dosa yang telah dilakukan itu akan dihapuskan semula bilamana Allah memberi keampunan-Nya: Akan tetapi disebabkan sifat semula jadi manusia selalu lalai dan alpa dan lagi memandangkan dosa itu suatu yang tidak dapat dirasa dengan pancaindera, maka manusia sering lupa untuk memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wataala sehingga menyebabkan ianya terdorong lagi untuk melakukan berbagai perkara mungkar dan maksiat yang lain, sehinggalah apabila ianya mendapat kesusahan atau bencana atau ianya akan berhajat sesuatu yang berkehendakkan pertolongan daripada kuasa dan iradat Tuhannya, maka barulah dia akan ingat akan Allah Subhanahu Wataala.

Selain daripada itu, di dalam ayat tadi juga menyatakan bahawa supaya kita berlumba-lumba untuk mencapai syurga, yang keluasannya seluas dunia dan langit. Sebagai orang yang beriman dan percaya kepada adanya syurga dan neraka, maka sewajarnyalah jangan sekali-kali mengabaikan diri dari berlumba-lumba untuk mendapatkan syurga yang merupakan tempat dan balasan yang sebaik-baiknya kepada orang-orang yang beriman dan beramal salih dan yang telah bersih dirinya daripada sebarang dosa. Andainya seseorang mukmin itu di akhirat nanti setelah dibuat perhitungan dan kiraan terhadap amal kebajikan yang telah dilakukannya semasa hidupnya di dunia, maka jika sekiranya didapati masih ada terdapat dosa yang belum diampunkan oleh Allah Subhanahu Wataala maka ini tidaklah lain selain daripada dimasukkan dahulu ke dalam api neraka, kerana di akhirat dahulu ke dalam api neraka, kerana di akhirat nanti inilah yang menjadi pembersih kepada segala dosa yang tidak diampunkan oleh Allah sama ada di dunia ini, dan setelah melalui proses pembersihan itu barulah seseorang itu akan dimasukkan ke dalam syurga.

Sayugia diingatkan bahawa kalaulah syurga dan segala kenikmatan yang ada di dalamnya melebihi apa yang di dunia ini maka begitulah juga dengan balasan azab di neraka adalah melebihi segala rupa bentuk siksaan dan azab yang ada di dunia ini baik dari segala caranya ataupun lama masanya akan azab atau disiksa.

Ini jelas sepertimana firman Allah Taala di dalam surah Al-Furqan ayat (69 — 70) yang kira-kira tafsirannya:

*"Akan dilipat gandakan baginya (orang yang melakukan dosa dan maksiat) akan azab siksa-Nya pada hari kiamat nanti dan dia akan kekal di dalam azab itu dalam keadaan yang terhina kecuali orang yang bertaubat memohon keampunan kepada Allah, beriman dan mengerjakan amal salih maka kejahatan mereka itu akan diganti oleh Allah dengan kebajikan dan adalah Allah itu maha pengampun dan maha penyayang."*

Dari ayat itu adalah jelas kepada kita bahawa di dunia inilah dan semasa hidup inilah sahaja masa dan peluang untuk kita bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wataala andainya kita terlambat sehingga ajal mendahului kita daripada bertaubat dan memohon keampunan maka akan jadilah kita di akhirat nanti sepertimana yang dinyatakan di dalam ayat tadi iaitu kekal di dalam api neraka di dalam keadaan yang terhina.

Oleh itu wahai kaum Muslimin dengan kedatangan bulan Ramadan yang mulia ini, bulan yang merupakan bulan keampunan, bulan di mana Allah Subhanahu Wataala membuka dengan seluasnya pintu keampunan maka janganlah hendaknya ada yang melepaskan peluang yang datangnya hanya sekali di dalam setahun itu, berlumbalah kita sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wataala di atas dosa-dosa yang telah kita lakukan sama ada secara sedar mahupun tidak, kita perlu ingat bahawa dosa itu bukanlah suatu perkara yang ringan di sisi Allah, lantaran itu disebabkan dosa hamba-Nyalah Allah akan menurunkan bala dan bencana kepada makhluk di dunia ini, tanpa mengira di sana ada kalangan hambanya yang berbuat baik atau tidak. Kerana itu janganlah dipermudahkan soalan untuk memohon keampunan kepada Allah, rebutlah peluang untuk bertaubat dan beramal dengan sebanyak-banyak di bulan ini, mudah-mudahan kita akan beroleh keampunan dan limpah rahmat Allah baik di dunia mahupun di akhirat nanti. Amin.

# PERPECAHAN PUNCA KELEMAHAN UMAT

## Menuju Keredaan Allah

KEMUNDURAN umat Islam hari ini adalah suatu hakikat yang tidak dapat ditolak lagi oleh kita semua. Kita umat Islam telah jauh tertinggal ke belakang oleh bangsa-bangsa lain di dunia ini dalam serba bidang kemajuan, baik bidang teknologi, tamadun mahupun bidang-bidang lain. Umat Islam pernah menempa sejarah kegemilangannya di zaman Andalus dan Baghdad. Tetapi kenyataan dan kegemilangan itu hanyalah tinggal sebagai ristaan sejarah sahaja.

Bala apakah yang telah ditimpakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada umat Islam? Apakah Allah Taala tidak kasih dan tidak mahu menolong kepada hamba-hamba-Nya yang berugama Islam? Sebenarnya Allah tetap kasih kepada semua makhluk-Nya termasuklah kita manusia. Kerana itulah disediakan-Nya alam ini dan segala isi di dalamnya bagi dimanfaatkan oleh kita semua. Firman Allah yang bermaksud : *"Dialah yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu."*

Kemunduran dan kelemahan umat Islam hari ini adalah berpunca dari kesalahan umat Islam sendiri yang tidak dengan sepenuhnya menunaikan hak dan kewajipan yang semestinya ditunaikan dan dipatuhi yang telah digariskan oleh Allah Subhanahu Wataala. Sebahagian kita umat Islam hari ini sering bermusuhan sesama sendiri, berpecah-belah dan tidak mahu bersatu padu dalam segala tindakan dan keadaan. Padahal Allah Taala telah mengingatkan kita supaya bersatu padu dan saling bekerjasama dalam semua perkara. Firman Allah dalam Surah Ali-Emran ayat 103 maksudnya : *"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Allah) dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliah dahulu)."*

Kesatuan dalam masyarakat Islam tidak akan wujud dan kukuh, apatah lagi untuk menggerunkan masyarakat bukan Islam, malah perpecahan dan percakaran sesama sendiri itu akan membuka lebih besar ruang dan jalan masuk kepada pengaruh negatif yang boleh menambah kekecohan suasana yang sedia ada.

Sebahagian besar maruah dan ketinggian martabat umat Islam adalah terletak kepada kekukuhan perpaduan umat Islam itu sendiri. Umat lain di dunia tidak akan merasa segan dan takut jika umat Islam tidak mengamalkan sikap hormat-menghormati dan bekerjasama sesamanya. Demikian juga segala pengaruh negatif di dalam masyarakat tidak akan dihalang sepenuhnya dari segenap sudut dan ruang kehidupan umat Islam. Lantaran kerana perpecahan di kalangan umat Islam itulah yang menjadikan musuh-musuh Islam dapat menggugat keutuhan kita dan sekaligus mempermainkan kita. Dengan lain perkataan mereka tidak menghormati maruah umat Islam sebagai satu umat yang pernah menguasai kemajuan dan tamadun dunia pada masa dahulu.

Akibat perpecahan umat Islam itu, berbagai-bagai kesan negatif telah dan akan terus bertapak di dalam kehidupan masyarakat Islam. Salah satu dari kesan itu ialah kekacauan aqidah yang sedang melanda pemikiran umat Islam. Berbagai-bagai cara penyelewengan aqidah telah didatangkan oleh musuh-musuh Islam semata-mata menyelewengkan aqidah umat Islam supaya jauh dari pegangan yang sebenar dan betul sebagaimana yang dianjurkan oleh ugama Islam. Jauh dan seterusnya berpisah dari pegangan dan pegangan umat Islam kepada jurang yang membahayakan. Kesan terakhir dari keadaan ini akan membawa umat Islam kepada suatu keadaan di mana mereka tidak lagi mengamalkan prinsip-prinsip dan ajaran-ajaran Islam secara sepenuhnya. Keadaan ini adalah yang akan membawa kelemahan dan kemunduran umat Islam.

Firman Allah : *"Bahawa ini dia jalan saya yang lurus, yakni jalan Allah Taala, maka kamu ikutlah akan dia, dan jangan kamu ikut berbagai-bagai jalan, nanti kamu menyimpang dari Saya itu, itulah dia pesanan Allah kepada kamu supaya kamu takutkan azab Allah."* (Surah Al-An'am ayat 153).

Dalam hubungan ini seorang sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Ibnu Abbas Radhiallahu Anhu telah berkata mengenai dengan firman Allah yang bererti 'jangan kamu ikut berbagai-bagai jalan itu', di mana beliau menjelaskan bahawa orang-orang Mukmin hendaklah berkumpul, berjemaah, bersatu padu dan menegah dari berpecah-belah dan berpuak-puak dan Allah menegaskan kepada orang-orang Islam bahawasanya umat-umat yang terdahulu itu binasa adalah disebabkan mereka bertikai dan bertengkar sesama sendiri.

Kalau demikianlah keadaannya kita umat Islam hari ini, apakah yang harus kita buat, dan apakah tindakan yang mesti kita lakukan? Jawapannya ialah kita kembali kepada ajaran Al-Quran dan Sunah, iaitu kembali mengamal dan menghayati secara total dengan penuh rasa kesedaran yang mendalam dan bertanggungjawab terhadap kepentingan dan kehormatan ugama Islam.

## Ke arah pertambahan keluaran hasil pertanian

# MEMERLUKAN PENGURUSAN PROFESIONAL YANG CEKAP

Oleh Ishak Othman

SINAUT. — Rancangan pembangunan lima tahun yang baru, menekankan ke arah pertambahan pengeluaran hasil pertanian dan memperkenalkan industri berasaskan pertanian.

Awang Nico van Djik, Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad (BSP) menambah dalam mendukung matlamat rancangan ini tidak diragukan ianya memerlukan pengurusan cara profesional dan teknikal yang cekap.

Berucap selaku tetamu kehormat di majlis konvokesyen kedua Pusat Latihan Pertanian Sinaut 25 April lalu, beliau berharap penerima-penerima sijil pada hari itu akan menjadi benteng kumpulan yang mahir dalam membantu serta bertanggungjawab ke arah pencapaian cita-cita besar objektif program pembangunan yang dirancang.

10 orang siswa dan siswi menerima Diploma Kebangsaan Pertanian Brunei dan dua orang menerima Sijil Juruteknik Pertanian. Lima orang siswi adalah di antara penerima sijil di majlis konvokesyen kedua pada hari itu.

Dua graduan telah dipilih untuk menerima hadiah atas kejayaan cemerlang mereka, Awang Abd Chik bin Ikas menerima Anugerah Terbaik (Golden Award) sementara itu Dayang Liew Nyok Len menerima Anugerah Kepujian (Silver Award).

Pengarah Pertanian, Dato Paduka Awang Daniel Haji Abu Hanifah berkata bahawa Pusat Latihan Pertanian Sinaut akan seterusnya berusaha memainkan peranan penting dalam menjayakan aktiviti yang dirancangkan seperti yang dikehendaki dalam RKN ke-5.

"Dengan terbentuknya blok kejuruteraan yan dijangkakan siap pada penghujung tahun ini akan dapat membantu lagi untuk melatih para siswa-siswi dalam bidang kejuruteraan pertanian di mana bidang kejuruteraan ini adalah amat penting dalam industri pertanian yang berorientasikan teknologi jentera moden," jelasnya.

"Adalah menjadi hasrat Jabatan Pertanian untuk berusaha mempelbagaikan penghasilan barang-barang pertanian supaya negara ini akan mencapai tahap yang mencukupi di semua bidang usaha pengeluaran seperti ternakan, buah-buahan, sayur-sayuran dan beras dengan secara berperingkat-peringkat," ujarnya.

Menurutnya perubahan-perubahan serta langkah-langkah strategik sedang diatur supaya sektor pertanian akan dapat terus memberi sumbangan terhadap taraf ekonomi negara ini.

Tahun ini merupakan tahun akhir penglibatan Syarikat Minyak Shell Brunei dengan Pusat Latihan Pertanian Sinaut dan penyerahan pentadbiran serta pengendalian pusat ini sepenuhnya akan diserahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada penghujung Oktober ini.



AWANG Nico van Dijk, Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei menyampaikan anugerah terbaik (Golden Award) kepada Awang Abd. Chik bin Ikas. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



DUA orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah ditauliahkan pangkat pegawai kadet baru-baru ini. Gambar atas kelihatan Kopral Ak. Hapiz bin Pengiran Haji Kamaluddin ditauliahkan pangkat tersebut oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Brigadier Jeneral Dato Paduka Awang Sulaiman bin Haji Damit, Pemangku Ketua Turus ABDB. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

## Dua ditauliahkan pegawai kadet

BERAKAS GARISON. — Dua orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah ditauliahkan pangkat pegawai kadet di satu majlis yang telah berlangsung di Mess Pegawai di sini pada 24 April lepas.

Mereka yang telah ditauliahkan pada hari itu ialah Kopral Awangku Hapiz bin Pengiran Haji Kamaludin dan Rekrut Mat Yusof bin Mat Yassin. Penyampaiannya telah disempurnakan oleh Pemangku Ketua Turus ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Brigadier Jeneral Dato Paduka Sulaiman bin Haji Damit.

Kopral Awangku Hapiz mula memasuki ABDB sebagai askar muda. Lepasan Sekolah Menengah Berakas ... askar biasa pada ... 1981 dan ... dihantar ke ... untuk ... dalam bidang ... setahun. Pada ... Kopral Awangku ... berkhidmat di ... tahanan Udara ... teknikal.

Sementara ... Yusof pula ... tentera pada ... 1986 dan ... latihan ... tiga bulan ... pada bulan ... yang sama ... patkan di ... Angkatan Bersenjata ... Brunei dalam ... jangka pendek.

## Wujudkan hubungan dua hala antara K'jaan dan orang ramai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penyiaran dan Penerangan dalam usahanya untuk mendorong minat dan meninjau pendapat umum serta mewujudkan hubungan dua hala antara Kerajaan dengan orang ramai, sekali lagi telah mengadakan majlis taklimat kepada seramai 15 orang mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada 25 April yang lalu.

Mahasiswa dan mahasiswi UBD yang mengadakan lawatan sivik jabatan tersebut pada hari itu merupakan pelajar tahun ketiga dalam jurusan ekonomi di fakulti sastera yang juga disertai oleh seorang pensyarah.

Satu sesi ramah mesra dan perbincangan juga sempat diadakan di antara Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani dengan mahasiswa dan mahasiswi tersebut.

Di samping mendengar berbagai taklimat, mereka juga telah dibawa melawat ke kompleks Radio Televisyen Brunei di sini.



GAMBAR atas merakamkan ketika majlis taklimat diadakan bagi 15 orang mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Permohonan dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Permohonan adalah dibukakan kepada pengarca-pengarca tempatan sebagai wakil Negara Brunei Darussalam untuk menyertai 5th ASEAN SQUARE SYMPOSIUM yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 9 Julai hingga 1 September 1987.

Borang permohonan bagi menyertai simposium tersebut boleh diperolehi di:— JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KOTA BATU, BRUNEI DARUSSALAM. TEL: 44545.

Permohonan hendaklah dihantar sebelum 18 Mei, 1987 bersama-sama dengan seperti gambar rajah rekabentuk; model yang tidak lebih dari 18" x 18" x 18"; penerangan bahan digunakan dan cadangan arca; dan konsep arca.

Penerangan umum dan panduan bagi penyertaan akan dikembarkan bersama borang-borang permohonan itu nanti.

Adalah dimaklumkan juga bahawa negara penyelaras/-tuan rumah akan menanggung segala perbelanjaan bagi tiket penerbangan pergi dan balik, elaun harian, bahan-bahan dan peralatan serta honorarium juga akan disediakan.

Untuk keterangan lanjut dan semua pertanyaan bolehlah berhubung dengan:— Urusetia, Permohonan Penyertaan "5th Asean Square, Sculpture Symposium", Muzium Brunei, Tel: 44545 Ext 36.

## RAMALAN CUACA minggu ini

HUJAN di sana sini kemungkinan akan ... kebanyakan kawasan pada sepanjang minggu ... kita. Hujan akan berlaku di beberapa kawasan ... lewat petang dan awal malam di kebanyakan ...

Ramalan cuaca ini bermula dari 6 Mei hingga ...

## JADUAL AIR PASANG DAN SURUT

| Tarikh | Air Pasang Penuh (jam) | Paras Air (meter) | Air Surut Penuh (jam) |
|---|---|---|---|
| 6/5 | 1500 | 2.2 | 0045 |
| 7/5 | 1550 | 2.0 | 0155 |
| 8/5 | 1806 | 1.9 | 0217 |
| 9/5 | 1052 | 1.7 | 0249 |
| | 2017 | 1.7 | 1518 |
| 10/5 | 1026 | 1.8 | 0514 |
| | 2149 | 1.7 | 1611 |
| 11/5 | 1025 | 2.0 | 0554 |
| | 2304 | 1.6 | 1656 |
| 12/5 | 1038 | 2.1 | 0550 |
| | 0012 | 1.6 | 0740 |

Jadual ini adalah bagi Pelabuhan Muara. Bagi ... Seri Begawan waktu-waktu air pasang seperti ... atas hendaklah dicampur 45 minit dan bagi air surut ... pur 30 minit. Sementara bagi Daerah Tutong ... pasang hendaklah ditolak 45 minit dan air surut ... minit. Manakala bagi Daerah Belait waktu ... daklah ditolak 60 minit dan air surut ditolak ...

WALLAHUAKLAM.

## USAHA DBP ADAKAN PERADUAN MARI BERCERITA

# Memupuk minat membaca di kalangan kanak-kanak



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan hadiah kepada salah seorang kanak-kanak yang memenangi peraduan Mari Bercerita.

MASYARAKAT yang berilmu adalah melambangkan satu bentuk masyarakat yang gemar membaca, dan membaca adalah satu amalan yang harus dipupuk dan disemai dalam setiap hati sanubari masyarakat yang inginkan kemajuan dari segi mental dan fizikal.

Memang tidak kita nafikan lagi bahawa semua kita manusia boleh membaca dengan baik apabila telah dikurniakan akal dan fikiran, tetapi untuk menjadikan tabiat suka dan rajin membaca itu adalah satu perkara yang belum dititik beratkan lagi oleh kebanyakan masyarakat kita hari ini.

Yang perlu diambil perhatian yang serius dalam konteks menyemai dan menanamkan minat membaca ini ialah terutama di kalangan kanak-kanak, bak kata pepatah "kalau hendak melentur buluh itu biarlah daripada rebungnya lagi", demikian juga dengan sifat rajin membaca ini haruslah ditanamkan sejak masih kanak-kanak lagi, kerana dengan membaca itu juga boleh membantu pertumbuhan mental dan fizikal mereka dalam mendewasai kehidupan mereka.

Dalam usaha untuk menggalakkan minat dan rajin membaca ini di kalangan masyarakat kita, Dewan Bahasa dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah sekian lama memainkan peranan yang positif dan tidak kendur-kendurnya dalam usaha ke arah menggalakkan minat membaca dengan menganjurkan beberapa kegiatan dan aktiviti khusus untuk tujuan tersebut.

Salah satu kegiatan yang juga merupakan salah satu projek tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui bahagian perpustakaan telah menganjurkan Peraduan Mari Bercerita ke seluruh negara. Peraduan ini adalah terbuka kepada semua kanak-kanak dalam lingkungan umur dari 9 tahun hingga 12 tahun. Sepanjang peraduan ini diadakan iaitu sejak tahun 1980 lagi sambutan dari kanak-kanak dan juga ibu bapa sangat-sangatlah menggalakkan dan menampakkan adanya kerjasama dan sokongan para ibu bapa dan juga guru-guru dalam usaha-usaha yang diungkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dari masa ke semasa.

Selain daripada tujuan untuk memupuk semangat membaca di kalangan kanak-kanak, peraduan Mari Bercerita juga bertujuan:

Meninggikan daya imaginasi dalam mengolah isi cerita, mendekatkan kanak-kanak dengan buku-buku dan lain-lain bahan bacaan, memperbaiki sebutan kanak-kanak dalam pengunaan bahasa, melatih dan menggalakkan kanak-kanak supaya berani berhadapan dengan khalayak ramai, memberi daya inisiatif bagi memahami segala isi kandungan sesuatu cerita, menggalakkan seni pendengaran dan memperkenalkan pola-pola bahasa dan di samping menambah perbendaharaan kata mereka.

Peraduan Mari Bercerita telah mula diperkenalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan tahun 1980, di mana ketika itu peraduan tersebut diberi nama dengan Peraduan Bijak Bercerita. Peraduan yang pertama kali ini telah diadakan di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam peraduan yang pertama kali diadakan ini sambutan dari kanak-kanak sangat menggalakkan di mana begitu ramai sekali penyertaan dari kanak-kanak. Di antara pemenang-pemenang Peraduan Bijak Bercerita ketika itu adalah seperti berikut :

**Johan** — Dayang Rospah binti Maidin dari Sekolah Persediaan Inggeris Datu Mahawangsa Lambak, Berakas.

**Naib Johan** — Dy. Siti Madziah binti Ahmad, dari Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar Temburong.

**Tempat Ketiga** — Dy. Azlina binti Dato Hj. Yaakub dari Sekolah Melayu Panaga.

Oleh kerana beberapa hal yang tidak dapat dielakkan peraduan Mari Bercerita telah ditiadakan dalam tahun-tahun 1981 dan 1982, walau bagaimanapun atas kesedaran untuk menggalakkan minat membaca di kalangan kanak-kanak, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dapat menyambung peraduan tersebut dalam tahun 1983, tetapi beberapa perubahan telah dibuat untuk mensesuaikan dengan keadaan dan sambutan masyarakat di mana nama peraduan Bijak Bercerita telah diubah kepada Peraduan Mari Bercerita.

Dalam peraduan tahun 1983 itu, sambutan dari kanak-kanak dan ibu bapa termasuk guru-guru tidak kurang menggalakkan dari tahun 1980 di mana penyertaan dari seluruh negeri hampir mencapai 300 orang. Format peraduan juga telah diubah menjadi dua kumpulan iaitu bagi kanak-kanak yang berumur 6 tahun — 8 tahun dikategorikan dalam kumpulan A dan kanak-kanak yang berumur dari 9 hingga 12 tahun di kategorikan dalam kumpulan B. Antara pemenang-pemenang peraduan tahun 1983 adalah seperti berikut :

**Johan** — Awang Mahdini bin Ahmad Daud,

**Naib Johan** — Ak. Shamsul Rezal Malik Faesal bin Pg. Merali,

**Ketiga** — Ak. Azmi Rizal bin Pg. Abd. Razak.

Dewan Bahasa dan Pustaka dari tahun ke tahun telah berusaha untuk membisaikan lagi dan menyelaraskan peraduan dengan lebih berkesan agar tujuan-tujuan yang telah dihasratkan dapat dicapai dengan memuaskan, Dewan Bahasa dan Pustaka telah membuat beberapa perubahan dengan mengadakan peringkat pemilihan dan seterusnya ke peringkat negara dengan tujuan dapat mengetengahkan kanak-kanak yang betul-betul mempunyai bakat bercerita.

Pada tahun 1985, peraduan telah diadakan pada 5 Julai 1985 bertempat di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka. Antara pemenang dalam peraduan tahun itu adalah seperti:

**Johan** — Wan Aslina binti Ibrahim

**Naib Johan** — Dy. Mazlina binti Jumat.

**Ketiga** — Dy Ithnah binti Latif.

Dari tahun ke tahun peraduan Mari Bercerita telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan sama ada dari kanak-kanak mahu pun para ibu bapa. Atas sambutan ini, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjadikan projek ini sebagai satu projek tahunan dan dengan mengatur susunan acara yang meriah yang juga telah disertai oleh sebahagian besar dari kanak-kanak yang juga dilatih oleh Perpustakaan Kanak-kanak Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang-bidang tarian, teater dan nyanyian untuk persembahan sampingan peraduan. Pada tahun 1986, peraduan Mari Bercerita telah dilaratkan ke Daerah Belait iaitu di Dewan Kemasyarakatan pada 22 Jun 1986. Antara pemenang dalam peraduan 1986 ialah:

**Johan** — Wan Aslina binti Ibrahim

**Naib Johan** — Hj. Md. Jaafar bin Hj. Md. Zain.

**Ketiga** — Ak. Shamsul Rizal Malik Faisal bin Pg. Merali

Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai penganjur tidaklah terlalu mementingkan atau menekankan kepada kebanyakan penyertaan dari kanak-kanak tetapi apa yang lebih penting ialah perlunya ada kualiti kanak-kanak itu dalam menyampaikan isi cerita dan gaya penceritaan masing-masing, kerana dengan tidak kita sedari kanak-kanak yang telah berjaya dalam beberapa bidang atau aktiviti yang diungkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melalui perpustakaan telah berhijrah atau meneruskan kegiatan masing-masing ke tempat-tempat lain seperti di Radio dan Televisyen, hasil dari asuhan dan penyertaan mereka dalam kegiatan-kegiatan dan aktiviti yang mereka sertai di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, mereka telah sedikit sebanyak berjaya dalam bidang masing-masing.

Apa yang perlu ditekankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menganjurkan peraduan seumpama ini ialah dalam mencapai tujuan asalnya iaitu dalam usaha untuk mendekatkan kanak-kanak dan menjinakkan mereka serta memujuk mereka untuk selalu membaca dan datang ke perpustakaan bila ada masa-masa lapang kerana mengikut saikologi, kanak-kanak yang baru berumur 3-4 tahun itu yang kebanyakannya belum pandai untuk membaca buku akan tumbuh minat mereka untuk ingin mengetahui akan isi sesuatu buku yang dilihatnya itu lebih-lebih lagi jika buku-buku bergambar yang menarik perhatian mereka, naluri ingin tahu dengan lebih dekat lagi menjadikan mereka berminat melihat gambar-gambar tersebut, jadi dengan adanya sesi Masa Bercerita yang juga diadakan oleh Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka setiap minggu telah dapat menarik ramai perhatian kanak-kanak untuk datang dan menyertainya.

Dan sekarang untuk tahun yang kelimanya, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka sekali lagi telah dapat mengungkayahkan Peraduan Mari Bercerita dengan tujuan-tujuan yang telah digariskan di atas, di samping untuk mencungkil bakat kanak-kanak untuk berani berhadapan dengan orang ramai dan juga bijak dalam mengolah isi cerita yang disampaikan seterusnya dapat melatih mereka dengan menggunakan pemakaian bahasa yang baik dan sempurna serta teratur dengan mudah difahami oleh orang lain. Pada tahun 1987 ini beberapa peraduan peringkat daerah telah diadakan untuk memilih kanak-kanak yang layak memasuki ke peringkat negara yang akan diadakan dalam bulan Jun depan. Peraduan Mari Bercerita peringkat daerah-daerah telah diadakan pada tarikh, tempat dan masa yang tersebut di bawah ini :

Peringkat Daerah Brunei dan Muara — pada 21 April 1987 di Sekolah Rendah Pintu Malim.

**Johan** — Ak. Shahrul Rizal Pg. Merali

**Naib Johan** — Hj. Md. Jaafar bin Hj. Md. Zain

**Ketiga** — Wan Harris Zaky bin Ibrahim.

Peringkat Daerah Belait — pada 20 April di Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin.

**Johan** — Dy. Hayati binti Tassim

**Naib Johan** — Mohd. Faizal Md. Yusof.

**Ketiga** — Khairul Anuar bin Ramli

Peraduan peringkat Daerah Tutong diadakan pada 27 April 1987 bertempat di Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong manakala peraduan di peringkat Daerah Temburong diadakan pada 28 April 1987 bertempat di Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar, Temburong.

Mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur peraduan seperti yang tercatat dalam borang penyertaan adalah seperti berikut:

Peraduan ini terbuka kepada semua kanak-kanak warganegara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 9 hingga 12 tahun.

Setiap peserta hendaklah mengisikan borang yang telah disediakan dan disahkan serta ditandatangani oleh ibu bapa masing-masing.

Borang yang rosak, tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Pihak penganjur berhak mengubah bahan yang difikirkan tidak sesuai untuk diceritakan.

Nama-nama pemenang peringkat awal atau daerah akan diberitahu. Semua peserta hendaklah menyediakan atau memilih tajuk cerita yang hendak disampaikan melalui koleksi perpustakaan kanak-kanak atau dari cerita-cerita dalam majalah Mekar terbitan DBP.

Keputusan para hakim adalah muktamad, sebarang bantahan tidak dilayan.

Jadi dengan adnya peraduan seumpama ini kita berharap ianya akan dapat menjadikan sebagai daya pendorong kepada kanak-kanak untuk maju dalam bidang pengetahuan dan seterusnya boleh menggalakkan mereka membaca dan membuat kajian atau rujukan dengan menggunakan perpustakaan yang berdekatan dengan mereka, kerana kita semua yakin bahawa mereka itu harus digalakkan untuk menggunakan masa dengan perkara-perkara yang membawa faedah bagi diri mereka sendiri seperti membaca, kerana dengan membacalah pengetahuan seseorang itu akan bertambah, di samping itu kerjasama dan dorongan dari pihak-pihak yang berkenaan seperti ibu bapa dan guru-guru juga amat penting diperlukan dalam hubungan ini.

Luangkanlah sedikit masa untuk membawa atau menghantar anak-anak ke perpustakaan supaya mereka boleh membaca kerana semua ini adalah untuk kemajuan mereka sendiri khasnya dan kemajuan pada negara dan bangsa kita umumnya, kerana jika rakyat berpengetahuan negara akan maju.





WAN Aslina binti Ibrahim juara peraduan Mari Bercerita tahun 1986 ketika beraksi (atas kiri). Sementara gambar atas kanan kelihatan tiga orang pemenang peraduan Mari Bercerita '86.

# NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

## SENARAI NAMA-NAMA AMIL SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1407 / 1987

### BAGI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN

| BIL. : | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Bandar Seri Begawan "A" Mengandungi: a) Bolkiah Kem dan sekitarnya (yang bukan terdiri daripada anggota ABDB dan keluarganya) b) Istana Edinburgh; c) Jalan Perayaan; d) Jalan Merdeka; e) Jalan Bahagia; f) Jalan Rakis; g) Perumahan Pegawai-Pegawai Kerajaan Airport Lama; h) Kedai-kedai BSB; i) Jalan Residency; j) Barik Hospital; k) Pusar Ulak; l) Jalan Maharaja Lela; m) Batu 1 Jalan Tutong hingga simpang Istana Darul Hana. | Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Haji Ahmad bin Abdul Razak. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 2. | Bandar Seri Begawan "B" Mengandungi: a) Jalan Telepok; b) Jalan Melabau; c) Jalan Melabau Baru; d) Barik Kakitangan Ukur dan sekitarnya; e) Jalan Temanggong; f) Jalan Tapak Kuda; g) Jalan Senuai. | *Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Haji Zainal bin Abdul Kahar. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 3. | Bandar Seri Begawan "C" Mengandungi: a) Dari Simpang Jalan Gadong hingga ke Jambatan Gadong b) Jalan Kumbang Pasang; c) Jalan Ong Sum Ping; d) Jalan Jawatan Dalam; e) Jalan Mabohai; f) Jalan Sekolah. g) Kampong Sumbiling Lama. | *Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Haji Mohd Yassin bin Damit. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 4. | Bandar Seri Begawan "D" Mengandungi: a) Jalan Dato Marsal; b) Workshop JKR; c) Jalan Lintang; d) Jalan Simpang Sekolah; e) Jalan Tongkadeh; f) Jalan Padang; g) Jalan Dato Taib. | Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Haji Wahid bin Haji Besar. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 5. | Bandar Seri Begawan "E" Mengandungi: a) Jalan Dato Isa; b) Jalan Tasek; c) Jalan Tasek Lama hingga Ang's Hotel; d) Jalan Stoney; e) Jalan Dato Ibrahim; f) Kampong Sultan Lama. | Yang Dimuliakan, Mudim Haji Zainuddin bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Awang Haji Md Tamin. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 6. | Bandar Seri Begawan "F" Mengandungi: a) Simpang Istana Darul Hana hingga ke Batu 4 Jalan Tutong; b) Kampong Telanai; c) Kampong Medewa. | Yang Mulia, Cikgu Mohidin bin Haji Muhammad (Guru Ugama) | Di Rumah Amil |
| 7. | Bandar Seri Begawan "G" Mengandungi: a) Istana Nurul Iman; b) Istana Darul Hana dan sekelilingnya; c) Kampong Bandung d) Kawasan Polis Diraja Brunei (Permanent Escort) | Yang Dimuliakan, Pehin Penyurat Haji Omar bin Matserudin. | Di Surau Istana. |
| 8. | Bandar Seri Begawan "H" Mengandungi: Kampong Kianggeh dan sekitarnya. | Yang Mulia, Awang Haji Puting bin Pengarah Raman (Ketua Kampung) | Di Rumah Amil |
| 9. | Bandar Seri Begawan "I" Mengandungi: Balai Bomba Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam (Khas untuk Pegawai dan kakitangan serta keluarganya). | *Yang Dimuliakan, Awang Haji Omar bin Haji Said. | Di Surau Balai Bomba. |
| 10. | Bandar Seri Begawan "J" Mengandungi: a) Polis Diraja Brunei Gadong dan Kawasan Polis Simpanan (Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei Gadong) b) Polis Diraja Brunei (Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei Daerah Brunei-Muara untuk Pegawai Polis Diraja Brunei dan keluarga mereka sahaja). | P.C. 2145 Awang Jabidin bin Haji Dollah | Di Surau Polis Gadong. |

* Amil yang baharu dilantik.

### BAHAGIAN KAWASAN KAMPONG AYER

| BIL. : | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBA[...] |
|---|---|---|---|
| 1. | Kampong Pengiran Bendahara Lama | Awg Haji Tumar bin Lingga (Timbalan Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 2. | Kampong Pengiran Pemancha Lama | *Pg Haji Mahmud bin Pg Hj Md Daud (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 3. | Kampong Pengiran Setia Negara | Pengiran Haji Damit bin Pg Ahmad (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 4. | Kampong Bakut Pg Siraja Muda "A" | Pengiran Haji Othman bin Pg Metassan (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 5. | Kampong Bakut Pg Siraja Muda "B" | Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pg Haji Tejuddin (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 6. | Kampong Pengiran Kerma Indera Lama | Awang Taif bin Awang Ahad (Guru Ugama) | Di Rumah A[...] |
| 7. | Kampong Pengiran Tajuddin Hitam | Awang Haji Abd Rahman bin Kalong (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 8. | Kampong Bukit Salat | YDM Pehin Bendahari Awang Mat Serudin bin Pehin Tuan Imam Abd Rahman (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 9. | Kampong Ujong Bukit | Awang Mohd Noor bin Mohd Yussof (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 10. | Kampong Limbongan | Awang Haji Mohd Noor bin Pehin Khatib Abdul Razak (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 11. | Kampong Sungai Kedayan "A" | Awang Ahmad bin Jeluddin (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 12. | Kampong Sungai Kedayan "B" | Awang Haji Rosli bin Haji Abd Aziz (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 13. | a) Kampong Ujong Tanjong; b) Kampong Kua'a Sungai Peminyak | Awang Haji Metali bin Haji Sulaiman (Kakitangan Pejabat J.K.R.) | Di Rumah A[...] |
| 14. | Kampong Tamoi Tengah | Awang Tengah bin Ag Othman (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 15. | Kampong Tamoi Ujong | Awang Haji Mokti bin Md Salleh (Ketua Kampung) | Di Rumah A[...] |
| 16. | a) Kampong Burong Pingai Ayer; b) Kampong Singkirap | Awang Haji Tahir bin Ja'afar (Imam Masjid Burong Pingai Ayer) | Di Mas[...] Burong P[...] Ayer. |
| 17. | Kampong Lurong Dalam | Awang Haji Abd Rahman bin Haji Bakar (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 18. | Kampong Sungai Pandan "A" | Awang Haji Abdullah Sunny bin Haji Bakar (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 19. | Kampong Sungai Pandan "B" | Pengiran Haji Sarifuddin bin Pg Ahmad (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 20. | Kampong Pandai Besi "A" | Awang Haji Momin bin Besar (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 21. | Kampong Pandai Besi "B" | Awang Haji Ismail bin Ja'afar (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 22. | Kampong Pekan Lama | Pengiran Metassan bin Pg Damit (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 23. | Kampong Bakut Berumput | Pengiran Haji Othman bin Pg Damit (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 24. | Kampong Lurong Sekuna | Awang Salleh bin Haji Kayum (Kakitangan Pejabat Lembaga Bandaran) | Di Rumah A[...] |
| 25. | Kampong Saba Tengah | Awang Haji Jalil bin Haji Ahmad (Kakitangan JHEU) | Di Rumah A[...] |
| 26. | Kampong Saba Laut | Awang Haji Masri bin Raub (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 27. | Kampong Saba Ujong | Cikgu Haji Abd Hamid bin Haji Perali (Guru Ugama) | Di Rumah A[...] |
| 28. | Kampong Saba Darat "A" | Awang Haji Metali bin Mat Yassin (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 29. | Kampong Saba Darat "B" | Awang Haji Sa'at bin Haji Idris (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 30. | Kampong Pekilong Muara | Awang Damit bin Merali (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 31. | Kampong Setia Pahlawan Lama | Awang Haji Abd Rahman bin Abdullah (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 32. | Kampong Peramu | Awang Haji Awang bin Jambol @ Haji Chuchu (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 33. | Kampong Ujong Kelinik | Awang Mohd Salleh bin Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 34. | Kampong Sungai Kebun | Awang Haji Ludin bin Gapar (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 35. | Kampong Sungai Siamas | Awang Hj Mohammad bin Hj Halim (Ketua Kampong) | Di Rumah A[...] |
| 36. | Kampong Setia "A" | Awang Haji Abdul Hamid bin Metussin (Imam Balai Ibadat Kampong Setia) | Di Balai Ibada[...] Kg Setia |
| 37. | Kampong Setia "B" | Awang Haji Malik bin Haji Bakar (Bilal Balai Ibadat Kampong Setia) | Di Balai Ibada[...] Kg Setia |

# NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

## KAWASAN PEDALAMAN DAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI-MUARA (Sambungan)

| Kawasan | Nama Amil | T/Membayar |
|---|---|---|
| 54. Kampong Pelambayan | Awang Haji Jamaludin bin Haji Abdullah (Imam Masjid (Kampong Pelambayan) | Di Masjid Kg Pelambayan |
| 55. Kampong Kota Batu | Awang Haji Damit bin Haji Laidin (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 56. **Pintu Malim :** a) Kampong Pintu Ma'im; b) Kampong Sungai Lampai | Awang Haji Ludin bin Hashim (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 57. **Subok :** a) Kampong Subok; b) Kampong Belimbing. | *Awang Salleh bin Hj Murah (Pmk Imam Balai Ibadat Kg Belimbing) dan; Awang Sapar bin Ahmad (Bilal Balai Ibadat Kg Belimbing) | Di Balai Ibadat Kg Belimbing. |

## KAWASAN PEKAN DAN PEDALAMAN DAERAH TUTONG

| BIL. : KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|
| 1. **Kawasan Barat Masjid Hassanal Bolkiah "A"** Mengandungi : a) Kampong Petani; b) Kampong Bukit Bendera dan Sungai Basong | Awang Haji Abdul Hamid bin Talipuddin (Imam Masjid Hassanal Bolkiah) | Di Masjid Hassanal Bolkiah |
| 2. **Kawasan Barat Masjid Hassanal Bolkiah "B"** Mengandungi : a) Kampong Sengkarai; b) Kampong Penabai; c) Kampong Kuala Tutong; d) Kampong Serambangun | Awang Haji Badarudin bin Senudin (Ketua Kampong Sengkarai) | Di Rumah Amil |
| 3. **Kawasan Timor Masjid Hassanal Bolkiah** Mengandungi : a) Kampong Suran; b) Kampong Panchor Dulit; c) Kampong Panchor Papan; d) Kawasan Pedalaman | Awg Abu Bakar bin Haji Yaakub (Bilal Masjid Hassanal Bolkiah) | Di Masjid Hassanal Bolkiah |
| 4. Mukim Masjid Kampong Penanjong | Awang Haji Abd Wahab bin Haji Othman (Imam Masjid Kampong Penanjong) | Di Masjid Kg Penanjong |
| 5. Mukim Masjid Kampong Sinaut | Awang Judin bin Mohd Yusof (Imam Masjid Kampong Sinaut) | Di Masjid Kg Sinaut |
| 6. Mukim Masjid Kampong Keriam | Awang Haji Ahmad bin Jumat (Imam Masjid Kg Keriam) | Di Masjid Kg Keriam |
| 7. Mukim Masjid Kampong Kupang | Awang Johari bin Abdul Hamid (Imam Masjid Kg Kupang) | Di Masjid Kg Kupang |
| 8. Mukim Masjid Kampong Lamunin | *Awang Haji Bakir bin Haji Serudin (Imam) | Di Masjid Kg Lamunin |
| 9. Mukim Masjid Kampong Birau | Awang Haji Abdul Rahman Haji Serudin (Imam Masjid Kampung Birau) | Di Masjid Kg Birau |
| 10. Mukim Masjid Kampong Layong | Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Lahid (Imam Masjid Kampong Layong) | Di Masjid Kg Layong |
| 11. Mukim Masjid Kampong Kiudang | Awang Othman bin Talipuddin (Imam Masjid Kampong Kiudang) | Di Masjid Kg Kiudang |
| 12. Mukim Masjid Kampong Tanjong Maya | Awang Haji Subohi bin Abd Kadir (Imam Masjid Kg Tanjong Maya) | Di Masjid Kg Tanjong Maya |
| 13. Mukim Masjid Kampong Tumpuan Telisai | Awang Haji Sabtu bin Abu Bakar (Imam Masjid Kg Tumpuan Talisai) | Di Masjid Kg Tumpuan Telisai. |
| 14. Mukim Masjid Kampong Danau | Awang Haji Abdul Wahab bin Imam Daud (Imam Masjid Kampong Danau) | Di Masjid Kg Danau |
| 15. Mukim Masjid Kampong Penapar | Pengiran Haji Mumin bin Pg Sulaiman (Imam Masjid Kampong Penapar) | Di Masjid Kg Penapar |
| 16. Mukim Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang | Awang Haji Ali bin Jambol (Imam Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang) | Di Masjid Kg Menengah dan Bukit Sulang |
| 17. Mukim Masjid Kampong Bukit Beruang | Awang Johari bin Abu Bakar (Imam Masjid Kg Bukit Beruang) | Di Masjid Kg Bukit Beruang |
| 18. Kawasan Kampong Bekiau | Pengiran Othman bin Pg Salleh (Penghulu Mukim Kiudang) | Di Rumah Amil |
| 19. Kawasan Kampong Bukit Panggal | Awang Haji Mumin bin Asmat (Ketua Kampong Bukit Panggal) | Di Rumah Amil. |
| 20. Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Batalion Kedua Tutong Kem | Ustaz Kijan @ Mohd Azmi bin Morsid (Guru Ugama) dan Awang Zainal bin Tunggal (Pengawas Surau) | Di Surau ABDB Tutong Kem. |
| 21. Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Penanjong Kem. | Ustaz Omar bin Marjan (Guru Ugama) | Di Rumah Amil |

## KAWASAN PEKAN DAN PEDALAMAN DAERAH BELAIT

| BIL. : KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|
| 1. Kawasan dari Batu Satu, (sebelah barat) Jalan Bunga Raya/Jalan Panglima, Kuala Belait hingga Kawasan Tanjong, Kuala Belait | Awang Haji Zainal bin Idris (Imam Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait); Cikgu Haji Jayah bin Buntar (Guru Ugama). | Di Masjid Mohd Jamalul Alam |
| 2. Kawasan dari Batu Satu, (sebelah timur) Jalan Bunga Raya/Jalan Panglima, Kuala Belait hingga ke Roundabout (Batu Empat) Kuala Belait (termasuk Kampong Jalan Mumong, Kuala Belait) | Cikgu Ramlee bin Haji Wahab (Guru Ugama); *Cikgu Abdul Karim bin Haji Abd Wahab (Guru Ugama). | Di Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali |
| 3. Kampong Sungai Teraban hingga ke Sungai Tujuh, Kuala Belait | Awang Haji Yusof bin Haji Hanafi (Imam Balai Ibadat Kg Sungai Teraban) | Di Balai Ibadat Kampong Sungai Teraban. |
| 4. Kawasan dari Sungai Anduki hingga ke Lorong Satu (termasuk Kampong Jalan Badas) Seria | Awang Sulaiman bin Rais (Imam Masjid Pekan Seria); *Awang Alias bin Taha (Imam Masjid Pekan Seria) | Di Masjid Pekan Seria |
| 5. Kawasan dari Lorong Dua hingga Lorong Empat, Seria | Cikgu Haji Jaman bin Ali (Guru Ugama) | Di Masjid Pekan Seria |
| 6. Kawasan dari Lorong Lima hingga ke kawasan Roundabout (Batu Empat) Kuala Belait | Cikgu Mohd Yakub bin Tengah (Guru Ugama) | Di Masjid Pekan Seria |
| 7. Kawasan Mukim Sungai Liang | Awang Japar bin Ibrahim (Imam Masjid Sg Liang); *Cikgu Mohd Jamil bin Haji Abas (Guru Ugama) | Di Masjid Sungai Liang. |
| 8. Kawasan Mukim Labi | Awang Haji Masbah bin Haji Suboh (Imam Masjid Mukim Labi); Cikgu Mazni bin Abd Lahak (Guru Ugama) | Di Masjid Mukim Labi |
| 9. Kawasan Mukim Bukit Sawat, Ulu Belait | Imam Haji Ali bin Othman (Imam Masjid Kg Ubar) Cikgu Ahmad bin Othman (Guru Ugama) | Di Masjid Sungai Ubar Bukit Sawat. |
| 10. Kawasan Mukim Kuala Balai, Ulu Belait | Awang Shafiee bin Lewin (Ketua Kampong Kuala Balai) | Di Rumah Amil |

## KAWASAN PEKAN DAN PEDALAMAN DAERAH TEMBURONG

| BIL. : KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|
| 1. **Kawasan Bangar "A"** a) Kawasan Pekan Bangar, b) Kampong Semamang, c) Kampong Kinalong, d) Barik Elektrik, e) Kampong Seri Tanjong Belayang, f) Kampong Batang Tuau. | Awang Haji Suhaile Ibrahim (Imam Masjid) | Di Masjid Utama Mohd Salleh |
| 2. **Kawasan Bangar "B" :** a) Kawasan Pekan Bangar Baru, b) Kampong Sungai Tanam, c) Kampong Sungai Tanit, d) Kampong Menangah, e) A.B.D.B. Bangar Kem. | Pengiran Haji Metassan bin Pengiran Mohd Salleh (Bilal Masjid) | Di Masjid Utama Mohd Salleh |
| 3. **Kawasan Kampong Selangan :** a) Kampong Selangan, b) Kampong Belingus, c) Kampong Amo d) Kampong Sibut, e) Kampong Sumbiling, f) Kampong Belaban Baru, g) Kampong Sibulu. | Awang Haji Abdul Kadir bin Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim (Imam Masjid) | Di Masjid Kg Selangan. |
| 4. **Mukim Masjid Batu Apoi :** a) Kampong Batu Apoi, b) Kampong Negalang, c) Kampong Perpindahan Gadong, | Awang Haji Nasir bin Haji Buntar (Imam Masjid) | Di Masjid Kg Batu Apoi |
| 5. **Mukim Masjid Bokok :** a) Kampong Bokok b) Kampong Rataie, c) Kampong Bakarut, d) Kampong Meniup, e) Kampong Belais, f) Kampong Sembatang, g) Kampong Kenua, h) Kampong Semabat dan Temada, i) Kampong Buda-Buda. | Awang Haji Sabtu bin Abdul Ghani (Imam Masjid) | Di Masjid Kg Bokok |
| 6. **Mukim Masjid Labu Estate :** a) Kampong Labu Estate b) Kampong Senukoh, c) Kampong Piasau-Piasau. | Awang Haji Ahmad bin Tengah (Imam Masjid) | Di Masjid Kg Labu Estate |
| 7. **Kawasan Masjid Kampong Puni :** a) Kampong Puni, b) Kampong Hujong Jalan. | Awang Haji Zaini bin Hashim, (Imam Masjid) | Di Masjid Kg Puni. |

* Amil yang baharu dilantik.

# NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

## KAWASAN PEDALAMAN DAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI-MUARA

| BIL. : | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Kampong Bunut Batu 5 Jalan Tutong | Awang Haji Annuar bin Mohd Yussof (Imam Masjid Kampong Bunut) | Di Masjid Kg Bunut |
| 2. | Kampong Tasek Meradun | Pengiran Haji Ahmad bin Pg Md Daud (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 3. | **Bengkurong :**<br>a) Kampong Bengkurong;<br>b) Kampong Burong Lepas<br>c) Kampong Sinarubai | Awang Haji Mat Sani bin Haji Saman (Guru Ugama) | Di Rumah Amil |
| 4. | **Kilanas :**<br>a) Kampong Kilanas;<br>b) Kampong Jangsak;<br>c) Kampong Tanjong Bunut. | Awang Haji Ghafar bin Abdul Ghani (Imam Masjid Kampong Kilanas); dan Haji Ibrahim bin Ali (Bilal Masjid Kg Kilanas) | Di Masjid Kg Kilanas |
| 5. | **Sengkurong :**<br>a) Kampong Sengkurong "A"<br>b) Kampong Sengkurong "B"<br>c) Kampong Jalan Mulaut<br>d) Kampong Pasai;<br>e) Kampong Selayun;<br>f) Kampong Tagap;<br>g) Kampong Sungai Tampoi<br>h) Kawasan Khemah Tahanan Jerudong. | YDM Begawan Pehin Siraja Khatib Datu Setia Haji Md Tamin bin Abd Hamid dan; Awang Haji Bahar bin Abdul Karim (Imam Masjid Sultan Sharif Ali); Awang Nayan bin Juma'at (Bilal Masjid Sultan Sharif Ali) | Di Masjid Sultan Sharif Ali |
| 6. | Kampong Mulaut | Awang Haji Rasit bin Haji Bandul (Ketua Kampong) | Di Surau Kg Mulaut |
| 7. | Kampong Jerudong | Awang Haji Sahak bin Muhammad (Pmk Imam Masjid Kg Jerudong) | Di Masjid Kg Jerudong |
| 8. | Kampong Tanjong Nangka | Awang Haji Kahan bin Israil (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 9. | **Kati Mahar :**<br>a) Kampong Kati Mahar;<br>b) Kampong Kulapis;<br>c) Kampong Lugu | Awang Haji Mohiddin bin Tabib (Imam Masjid Kg Kati Mahar) dan *Awg Haji Ibrahim bin Haji Mohammad (Imam Masjid Kg Kati Mahar)<br>Awang Abdul Ghafar bin Haji Mirusin (Pmk Bilal Masjid Kg Kati Mahar) | Di Masjid Kg Kati Mahar |
| 10. | **Panchor Murai :**<br>a) Kampong Panchor Murai;<br>b) Kampong Batong;<br>c) Kampong Imang | Awang Haji Puting bin Md Noor (Imam Masjid Kg Panchor Murai) | Di Masjid Kg Panchor Murai |
| 11. | **Masin :**<br>a) Kampong Masin;<br>b) Kampong Babatik | Awang Haji Jumat bin Haji Nayan (Imam Masjid Kampong Masin) | Di Masjid Kg Masin |
| 12. | **Pengkalan Batu :**<br>a) Kampong Pengkalan Batu;<br>b) Kampong Parit;<br>c) Kampong Batu Ampar | Awang Haji Metali bin Sudin (Imam Masjid Kg. Pengkalan Batu) | Di Masjid Kg Pengakalan Batu |
| 13. | **Limau Manis :**<br>a) Kampong Limau Manis;<br>b) Kampong Kuala Lurah;<br>c) Kampong Batang Perhantian;<br>d) Kampong Bukit;<br>e) Kampong Wasan | Ampuan Haji Tengah bin Ampuan Md Daud (Imam Masjid Kg Limau Manis) | Di Masjid Kg Limau Manis |
| 14. | Kampong Junjongan | Awang Haji Tuah bin Awang Ladi (Imam Masjid Kampong Junjungan) | Di Masjid Kg Junjongan |
| 15. | **Lumapas :**<br>a) Kampong Lumapas;<br>b) Kampong Panchor;<br>c) Kampong Kilugus | Awang Haji Nudin bin Bakar (Imam Masjid Kg Lumapas) | Di Masjid Kg Lumapas |
| 16. | **Lupak Luas :**<br>a) Kampong Lupak Luas;<br>b) Kampong Tarap Bau | Awang Mohd Hashim bin Haji Jaafar (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 17. | **Kasat "A"**<br>a) Kampong Kasat;<br>b) Kampong Buang Sakar | Awang Hj Kamis bin Hj Tersad (Imam Masjid Kg Kasat) | Di Masjid Kg Kasat |
| 18. | **Kasat "B"**<br>a) Kampong Putat;<br>b) Kampong Baong | Cikgu Abdullah bin Haji Muhiddin (Pmk Imam Masjid Kg Putat) | Di Masjid Kg Putat |
| 19. | **Menunggol :**<br>a) Kampong Menunggol;<br>b) Kampong Riong | Awang Majid bin Nasir (Imam Masjid Kg Menunggul) | Di Masjid Kg Menunggol |
| 20. | **Gadong "A"**<br>a) Kampong Pengkalan Gadong;<br>b) Kawasan Barik Elektrik<br>c) Kawasan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Universiti Brunei Darussalam dan Institut Pendidikan Hassanal Bolkiah, Gadong. | Pengiran Haji Md Daud bin Pengiran Haji Abd Rahman | Di Rumah Amil |
| 21. | **Gadong "B"**<br>a) Kampong Gadong Estate;<br>b) Kampong Rimba | Awang Haji Amit bin Bungsu (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 22. | **Gadong "C"**<br>a) Kampong Tungku;<br>b) Kampong Katok | Awang Haji Alim bin Ja'afar (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 23. | **Gadong "D"**<br>Kampong Mata-Mata | Awang Haji Berudin bin Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 24. | **Gadong "E"**<br>Kampong Beribi | Awang Haji Jamal bin Haji Pakar (Bilal Masjid Kg Beribi) | Di Masjid Kg Beribi |
| 25. | **Gadong "F"**<br>Kampong Kiarong | Awang Haji Hassan bin Haji Ahlim (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 26. | **Gadong "G"**<br>Kampong Perpindahan Sumbiling Baru Mata-Mata, Gadong | Pengiran Haji Puteh bin Pg Ahmad (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 27. | **Gadong "H"**<br>Kampong Perpindahan Sultan Lama Mata-Mata Gadong | Awang Haji Omar bin Duah (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 28. | Kampong Kiulap | Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 29. | Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem (untuk Angkatan Bersenjata Diraja dan keluarga mereka sahaja) | Awang Haji Hitam bin Haji Ismail @ Haji Itam bin Hj Smail (Imam Surau ABDB, Bolkiah Kem) dan Awang Haji Osman bin Brahim (Bilal Surau ABDB, Bolkiah Kem) | Di Surau Ang[illegible] katan Bers[illegible] Diraja Br[illegible] Bolkiah K[illegible] |
| 30. | **Perpindahan Berakas :**<br>a) Kampong Jaya Bakti;<br>b) Kampong Jaya Setia;<br>c) Kampong Burong Pingai Berakas | Awang Haji Ibrahim bin Othman (Imam Masjid Sufri Bolkiah) | Di Masjid S[illegible] Bolkiah |
| 31. | Kampong Lambak "A" | Awg Haji Pudin bin Jumahat (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 32. | Kampong Lambak "B" | Awang Haji Juna bin Abdul Kahar (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 33. | Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem (untuk Angkatan Bersenjata Diraja dan keluarga mereka sahaja) | Awg Hj Ahmad bin Tuah (Imam Surau ABDB Berakas Kem) dan Awg Hj Othman bin Ali (Bilal Surau ABDB Berakas Kem) | Di Surau Ang[illegible] katan Bers[illegible] Diraja Br[illegible] Berakas K[illegible] |
| 34. | **Masjid Mohammad Bolkiah**<br>a) Kampong Serusop dan termasuk Kawasan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan;<br>b) Kawasan Polis Lapangan Terbang dan sekitarnya. | Yang Dimuliakan, Begawan Pehin Siraja Khatib Haji Abd Hamid bin PSP Haji Mohd Ja'afar; dan Yang Dimuliakan, Begawan Pehin DPSLJ Haji Md Yussof bin Abd Latif | Di Masjid Moham[illegible] Bolkiah |
| 35. | Kampong Delima Satu Pengiran Siraja Muda | Pengiran Haji Buntar bin Pg Sulaiman (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 36. | Kampong Pancha Delima | Awang Haji Yakob bin Haji Metali (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 37. | **Anggerek Desa :**<br>a) Kampong Anggerek Desa;<br>b) Kampong Pulaie | Pengiran Haji Yahya bin Pg Hj Hashim (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 38. | Kampong Orang Kaya Besar Imas | Awang Haji Mohammad bin Haji Jamaluddin (Ketua (Kampong) | Di Rumah Amil |
| 39. | **Manggis :**<br>a) Kampong Manggis;<br>b) Kampong Sungai Akar;<br>c) Kampong Madang;<br>d) Kawasan Pusat Latihan Polis Diraja Brunei Jalan Muara | Awang Haji Nasir bin Tarif (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 40. | **Sungai Hanching :**<br>a) Kampong Sungai Hanching;<br>b) Kampong Salambigar;<br>c) Kampong Sungai Tilong | Awg Haji Yahya bin Munuddin (Imam Masjid Kg Sungai Hanching); Awang Haji Tahir bin Tengah (Khatib Masjid Kg Sungai Hanching) dan Awang Badaruddin bin Pukol (Bilal Masjid Kg Sungai Hanching) | Di Masjid K[illegible] Sg Hanchi[illegible] |
| 41. | **Tanah Jambu :**<br>a) Kampong Tanah Jambu;<br>b) Kampong Salar | Awang Haji Ismail bin Mohd Daud (Imam Masjid Kg Tanah Jambu) | Di Masjid K[illegible] Tanah Ja[illegible] |
| 42. | **Muara :**<br>a) Kampong Sabun;<br>b) Kampong Serasa;<br>c) Kampong Kapok;<br>d) Kawasan Rumah Pegawai-Pegawai Kerajaan Tanjong Pelumpong;<br>e) Kawasan Balai Polis Diraja Brunei Pekan Muara<br>f) Kawasan Balai Bomba Pekan Muara;<br>g) Kampong Masjid Lama;<br>h) Kampong Perpindahan Serasa. | Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mahmud (Imam Masjid Setia Ali Muara) dan; *Pengiran Sulong bin Pg Besar (Imam Masjid Setia Ali) | Di Masjid Setia Ali Muara |
| 43. | Kawasan Angkatan Laut Diraja Brunei Muara (untuk Angkatan Laut Diraja dan keluarga-keluarga mereka sahaja) | Awang Jalin bin Haji Mustafa (Imam Surau ABDB Muara Kem) dan Awang Duraman bin Ahmad (Bilal Surau ABDB Muara Kem). | Di Surau [illegible] Muara Ke[illegible] |
| 44. | Kampong Sungai Buloh | Ustaz Pengiran Haji Aliuddin bin Pg Omarali (Imam Masjid Kg Sungai Buloh) | Di Masjid K[illegible] Sungai B[illegible] |
| 45. | Kampong Batu Marang | Pg Haji Abdul Samad bin Pg Haji Abu Bakar (Imam Masjid Kg Batu Marang) | Di Masjid K[illegible] Batu Mar[illegible] |
| 46. | Kampong Mentiri | Awang Haji Suhaili bin Tahir (Imam Masjid Kg Mentiri) | Di Masjid K[illegible] Mentiri |
| 47. | Kampong Sungai Besar | Cikgu Matassan bin Tahir (Imam Masjid Kg Sungai Besar) | Di Masjid K[illegible] Sungai Be[illegible] |
| 48. | Kampong Pulau Baru-Baru | *Awg Mohammad bin Lamit (Ketua Kampong Pulau Baru-Baru) | Di Rumah Amil |
| 49. | Kampong Sungai Belukut | Awang Haji Yakub bin Haji Tengah (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 50. | Kampong Sungai Matan | Awang Haji Damit bin Menuddin (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 51. | Kampong Serdang | Awang Haji Jumat bin Haji Metersad (Imam Surau Kg Serdang) | Di Surau K[illegible] Serdang |
| 52. | Kampong Pudak | Awg Hj Mohd Yassin bin Idris (Imam Masjid Kg Pudak) | Di Masjid K[illegible] Pudak |
| 53. | Kampong Dato Gandi | Awang Abu Bakar bin Mohd Salleh (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |

* Amil yang baharu dilantik.

# rtb Intisari minggu ini

## Sandiwara Radio:

# 'Dalam Kabus Ada Sinar'

PENULIS Idayu dengan skripnya yang berjudul "DALAM KABUS ADA SINAR" akan mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Cerita yang berunsurkan dakwah ini dimulakan dengan peristiwa Sing Guan bertemu dengan seorang tua yang tidak dikenalinya ketika sedang berlari di satu pagi. Ekoran dari peristiwa itu, hati Sing Guan seperti dicuit-cuit untuk memeluk Ugama Islam.

Perasaan Sing Guan itu pula dialu-alukan oleh Nasir, teman karibnya. Nasir bersedia membantu Sing Guan pada bila-bila masa saja ia menghendakinya. Tapi yang menjadi masalah pada Sing Guan ialah tentang keluarga dan juga kekasihnya Ah Lan.

Walaupun Sing Guan mempunyai prinsip hidup dan cita-citanya yang tersendiri, tapi ia merasa kurang senang jika segala tindak-tanduknya tidak direstui oleh keluarganya.

Ibu Sing Guan memang pada mulanya menentang keras terhadap keputusan Sing Guan hendak menukar ugama itu. Begitu juga dengan Ah Lan. Mereka sama-sama tidak mengizinkan sama sekali Sing Guan meneruskan cita-citanya.

Tiba-tiba ibu Sing Guan dan Ah Lan mengubah fikiran mereka. Mereka seolah-olah merasakan yang ada sesuatu yang menarik hati mereka untuk memeluk ugama Islam. Apakah yang menyebabkan pendirian mereka berubah? Untuk mengetahui lanjutan ceritanya, ikutilah siarannya nanti pada 10 Mei, 1987, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.



## TETAMU RADIO

HARI Ahad 10 Mei jam 4.30 petang jemputlah mengikuti temubual Hanafiah Ali bersama Awang Wahab Haji Moksin — pemain badminton kebangsaan (kelihatan dalam gambar).

Pada hari Rabu 6 Mei jam 2.00 petang pula disiarkan ulangan perbualan Musa Haji Mohd Salleh bersama tetamu undangan Md Sarwar bin Ali — penyelia bahagian Rangkaian Biru, Radio Malaysia Pulau Pinang.

## RENCANA TEMPATAN

PUSAT Latihan dan Pertukangan Tangan adalah merupakan salah satu cawangan Jabatan Muzium-Muzium Brunei. Sesuai dengan peranan dan tujuan penubuhannya, pusat ini telah diamanahkan untuk menghidupkan semula dan mengembangluaskan lagi kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kesenian dan pertukangan tangan yang menjadi perusahaan warisan Bangsa Melayu Brunei yang terkenal di zaman silam. Sejak penubuhannya dalam tahun 1975, beberapa jenis kursus telah diadakan iaitu bahagian Pertukangan Perak, Pertukangan Tembaga, Pertenunan Kain, Anyaman/Songkok dan Seniukir.

Dalam rancangan ini, beberapa kegiatan yang terdapat dalam pusat ini akan diketengahkan seperti menenun kain jongsarat, membuat keris, membuat songkok, membuat barang anyaman dan sebagainya. Rancangan ini akan dapat diikuti pada hari Selasa 12 Mei, 1987, kira-kira jam 7.00 malam.

## Mari Memasak:

# IKAN TAUCU

BAHAN-BAHANNYA :—

- ½ kg. ikan kembung.
- 2 gelas minyak untuk menggoreng
- 1 gelas santan dari ½ biji kelapa
- 3 biji bawang merah dihiris
- 2 ulas bawang putih dihiris
- 3 cm. lengkuas dihiris
- ½ batang serai
- 2 helai daun salam
- 1 sudu makan taucu
- 3 sudu minyak untuk penumis
- 5 biji lada merah dibelah dua
- 10 biji petai (jika suka)
- ½ sudu teh serbuk perasa.

CARA-CARA MEMBUATNYA :—

Ikan dibersihkan, diberi garam dan cuka secukupnya. Biarkan selama lebih kurang 10 minit. Kemudian digoreng sampai kuning warnanya dan diangkat.

Goreng bawang merah dan bawang putih sampai kuning dan wangi. Masukkan halia, lengkuas, daun salam, serai dan biarkan sebentar. Kemudian masukkan lada merah, taucu serta santan dan masak hingga mendidih. Setelah itu masukkan ikan yang telah digoreng tadi dan biarkan beberapa minit agar santan dan rempah merasap pada ikan. Angkat dan hidangkan.

## Radio Minggu Ini:

# PERKHIDMATAN RADIO DALAM BULAN RAMADAN

RADIO Brunei, selaku media elektronik kerajaan sentiasa mengikuti corak dan suasana yang berlaku di sepanjang masa di negara ini. Hal ini adalah semata-mata untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan komunikasi dua hala ataupun 'Two-Step-Flow Communication' kepada pendengarnya.

Sebagai media yang 'segera' menyiarkan apa-apa informasi yang penting, khususnya informasi kerajaan, setiap yang disiarkan oleh Radio Brunei sentiasa didengar dan dinanti-nantikan oleh masyarakat pendengarnya. Hal ini adalah semata-mata untuk mengatasi apa-apa keraguan dan juga memberikan pengetahuan yang penting untuk diambil kira oleh orang ramai yang ada di negara ini.

Lebih-lebih lagi di bulan puasa ini Radio Brunei begitu berfungsi luas dan juga penting peranannya. Kalau dulu sebelum adanya Radio Brunei, umat Islam di negara ini hanya bergantung sepenuhnya pada bunyi 'beduk,' sebagai alat pemberitahuan bagi 'bersungkai' ataupun berbuka puasa. Tetapi, menerusi media radio sekarang ini kita secara tenang hanya mendengar pengumuman yang jelas dan lantang dari alat elektronik itu.

Di samping itu, seperti kelaziamannya pada setiap tahun Radio Brunei juga menyiarkan maklumat penting, iaitu pengumuman membayar Zakat Fitrah pada bulan Ramadan, yang wajib dikeluarkan oleh semua umat Islam.

Pada bulan Ramadan (Puasa) tahun 1987/1407 Hijrah ini, menerusi Surat Keliling Pejabat Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam, Radio Brunei akan menyiarkan maklumat Zakat Fitrah tersebut, kira-kira seminggu kita berpuasa. Jadinya, menerusi Radio Minggu Ini semua pendengar radio yang berugama Islam diharap sentiasa berdampingan dengan Radio Brunei.

Kami menerusi Radio Minggu Ini, sekali lagi tidak lupa berpesan supaya pendengar Muslimin dan Muslimat sekalian melakukan ibadah puasa dengan sempurna.




## Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 28 April, 1987.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1) Kacang Tanah 1 kilogram $2.00/1 kati $1.20.
   a) Kedai Eng Leong, No. 8, Jalan McArthur.
2) Sagu Halus 1 kilogram $1.15/1 kati 70 sen.
   a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
3) Beras Pulut segantang $3.00.
   a) Chop Chin Seng No. 107 Jalan Pemancha.

**KUALA BELAIT**

1) Kacang Tanah 1 kilogram $2.00/1 kati $1.20.
   a) Chop Lian Ho No. 24 Jalan Pretty.
2) Sagu Halus 1 kilogram $1.50/1 kati 90 sen.
   a) Kedai Guan Heng No. 30, Jalan Sungai.
3) Beras Pulut segantang $3.00.
   a) Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.

**SERIA**

1) Kacang Tanah 1 kilogram $2.00/1 kati $1.20.
   a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.
2) Sagu Halus 1 kilogram $1.50/1 kati 90 sen.
   a) Kedai Chin Siong Hing No. 3 Jalan Sultan Omarali.
3) Beras Pulut segantang $3.00.
   a) Kedai Chin Siong Hing No. 3, Jalan Sultan Omarali.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU

## 6 MEI

**PETANG**

3.45 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
3.47 AL-QURAN
3.57 SUSUNAN RANCANGAN
4.00 FLINSTONE KIDS (Siri baru)
4.30 CAMERA ON THE MOVE: "Itaipu The Singing Island"
4.55 DEFENDERS ON THE EARTH: "Hall Of Wisdom"
5.20 MR BELVEDERE
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 APA TU AH ?
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.27 BEDUK/AZAN MABHRIB
6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.42 SELINGAN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 LAST PRECINCT: "Episod Pengenalan" Bhg II
7.39 AZAN ISYAK
7.44 LAST PRECINCT — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 SUDUT PELITA
8.45 BIMBINGAN ISLAM
8.55 SELERA ASLI: "Acar Rebung"
9.05 LIPUTAN NASIONAL
9.35 REKASENI (Episod akhir)
10.00 NEVER THE TWAIN: "Not On Same Wavelength" (Episod akhir)
10.25 ROAD TO WEMBLEY
11.15 LOVEJOY: "The Real Thing"
12.15 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI KHAMIS

## 7 MEI

**PETANG**

3.45 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
3.47 AL-QURAN
3.57 SUSUNAN RANCANGAN
4.00 SESAME STREET
4.55 BERENSTEIN BEARS
5.20 ONCE UPON A TIME: "The Tortoise Who Won't Listen To Advice"
5.35 LET'S GO MATHS
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 GHOSTBUSTERS: "My Present To Future"
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.27 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.42 SELINGAN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 RUMOUR OF WAR
7.39 AZAN ISYAK
7.44 RUMOUR OF WAR — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 SELERA ASLI: "Kutu Mayang"
9.00 HIDAYAT
9.30 DUNIA MINGGU INI
10.00 HARDCASTLE AND McCORMICK: "The Day The Music Died"
10.50 TOO CLOSE FOR COMFORTS: "Arriver Derci, Jakie"
11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Chapter Two"
12.55 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI JUMAAT

## 8 MEI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.49 HIDAYAT — sambungan
1.00 ALVIN AND THE CHIPMUNKS: "The Prize Isn't Right"

**PETANG**

1.25 ITALIAN FOOTBALL
2.15 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
2.40 ANDY ROBSON: "Circumstantial Evidence"
3.05 AL-KISAH: "Pelanduk Dengan Kerak Nasi" (ulangan)
3.20 LIFE WITH LUCY
3.38 AZAN ASAR
3.41 LIFE WITH LUCY — sambungan
3.55 ODYSSEY FEATURES: "Escape From DS3" Bhg I
4.45 PERSPECTIVE: "Sun Trad"
5.15 YOU AGAIN: "The Wake"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MUPPET BABIES
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.27 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.42 SELINGAN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 HOT PURSUIT: "Episod Pengenalan" Bhg II
7.39 AZAN ISYAK
7.44 HOT PURSUIT — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.55 SELERA ASLI: "Acar Rebun"
9.00 LIPUTAN NASIONAL
9.30 DOCUMENTARY: ARCHITECTURE AT THE CROOSROADS: "Stop The Bulldozer"
10.20 THE FAR PAVILIONS (Episod akhir)
11.05 KNOTS LANDING: "Alterations"
12.10 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI SABTU

## 9 MEI

**PETANG**

3.45 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
3.47 AL-QURAN
3.57 SUSUNAN RANCANGAN
4.00 SESAME STREET
5.00 SECRETS OF THE COAST
5.25 VALERIE: "Whose Team Is It Anyway"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 VALERIE — sambungan
5.55 THUNDERCATS
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.27 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.42 SELINGAN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE WIZARD: "Seeing Is Beliving"
Kali ini Simon telah mencipta mata anjing robot, Aegis, siapa yang telah memberikan kepada Jeniffer Dunne, seorang wanita muda yang buta. Dyer, seorang bekas agen CIA membuat rancangan jahat untuk mencuri anjing robot tersebut dan hendak menirunya kemudian dijual ke Libya dan kepada pertubuhan-pertubuhan pengkhianat.
7.40 AZAN ISYAK
7.45 THE WIZARD — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 SELERA ASLI: "Pais Udang Labu"
9.00 LIPUTAN NASIONAL
9.30 TAYANGAN GAMBAR MELAYU/INDONESIA
11.00 UNDER SEIGE
12.10 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI AHAD

## 10 MEI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 REAL PEOPLE
12.19 AZAN ZUHUR
12.24 REAL PEOPLE — sambungan
1.10 TAYANGAN GAMBAR: "Gypsy Colt"
Apabila kemarau melanda, sepasang penternak terpaksa menjual anak kuda jantan kesayangan anak perempuan mereka kepada pembeli yang kira-kira 500 batu jauhnya dari mereka. Binatang yang setia ini kemudian melarikan diri dari tuan barunya dan membuat perjalanan yang merbahaya untuk balik ke tempat asalnya.
2.40 SMURFS
3.05 THE TRANSFORMERS (Episod akhir)
3.38 AZAN ASAR
3.43 DRAMA
4.15 SPORTS: SUNKIST TRACK MEET 1987 — Bhg II
5.15 AGRICULTURE: "Poultry"
5.30 GROWING PAINS: "Weekend Fantasy"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 GROWING PAINS — sambungan
6.00 SELINGAN
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.27 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.42 SELINGAN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 OUR HOUSE
7.40 AZAN ISYAK
7.45 OUR HOUSE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 SUDUT ASIA
9.20 MARI MEMASAK: "Ikan Taucu" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
9.15 DOCUMENTARY: TURKISH ARCHITECTURE — Bhg. II
10.30 HEAD OF THE CLASS: "Critical Choices"
11.00 OUR FAMILY HONOUR: "Crimes Of Passion" Bhg I
11.50 PERRY MASON RETURNS — Bhg I
12.25 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI ISNIN

## 11 MEI

**PETANG**

3.45 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
3.47 AL-QURAN
3.57 SUSUNAN RANCANGAN
4.00 FILLER
4.30 TOM AND JERRY
4.55 WILDFIRE: "The Name Is The Game"
5.20 ECONOMIC TODAY: "Pattiya Pola Energy For The Poorest Of The Poor"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE COSBY SHOW
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.27 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.42 SELINGAN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 STINGRAY
7.40 AZAN ISYAK
7.45 STINGRAY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 SELERA ASLI: "... Dadak"
9.00 LIPUTAN NASIONAL
9.30 BELIA
9.50 SUPERSTARS OF ...
10.40 TAYANGAN GAMBAR: "Gauntlet"
12.20 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI SELASA

## 12 MEI

**PETANG**

3.45 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
3.47 AL-QURAN
3.57 SUSUNAN RANCANGAN
4.00 THE BOOK TOWER
4.30 THE KID FROM 47A: "The Food Of Life"
Kian banyak makanan ... makan dan dia ... perbuatan Willy. ... telah dipasang dan ... Billy berjalan dalam ... maksa makanan tanpa ... yang dilakukannya. ... Jatuh cinta boleh ... muda melakukan kerja-...
4.55 PUNKY BREWSTER: "... Pains"
5.20 MARI MEMASAK: "..." (ulangan)
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 CHARLES IN CHARGE
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.27 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.42 SELINGAN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 STARMAN: "The System"
7.40 AZAN ISYAK
7.45 STARMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 SELERA ASLI: "..."
9.00 RENCANA TEMPATAN: ... Latihan Kesenian dan ... Tangan Brunei — Bhg I
9.30 ARENA SUKAN
10.30 DREAM WEST
11.20 EASY STREET: "..."
11.55 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.



PELAKON utama siri Hot ... Pierpoint dan Kerrie Keane ... pat awda saksikan setiap hari ... kira jam 7.20 malam.

# SISTEM LALULINTAS PUSAT BANDAR BANDAR SERI BEGAWAN MULAI HARI AHAD 10 MEI 1987



# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUN
# KEMENTERIAN PERTAHANAN
# NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## PENGAMBILAN LELAKI KE-73
## BERAKHIR PADA 2 SEPT. 1987

***BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI***



**Mendaftarlah kepada**
**Pejabat Pengambilan**
**Angkatan Bersenjata Diraja Brunei**
**Bolkiah Garison**
**Negara Brunei Darussalam**

Nama : ..................................................

No. Kad Pengenalan : .............................. Warna : ..............................

Tarikh Lahir : .............................................. Umur : ..............................

Alamat Sekarang : ..................................................

..................................................

Kelulusan Sekolah : ..................................................

Nama Ayah/Penjaga : ..................................................

No. Kad Pengenalan : .............................. Warna : ..............................

Tarikh Lahir : .............................. Tempat Lahir : ..............................

Alamat Sekarang : ..................................................

..................................................

No Telefon Rumah/Pejabat : ..................................................

Tandatangan : .............................................. Tarikh : ..............................

### NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHA
### KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLE
### DI TANGAN AWDA

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah 6 Melayu yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun, bujang atau beristeri.
4. Berat badan tidak kurang 47.25 kg, tinggi tidak kurang dari 1.54 dan berbadan sihat.
5. Awang-Awang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian yang diadakan oleh ABDB.
6. Awang-Awang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti: Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENJAGA :

(Bilangan Kod : 068 58 — 939).

Tanggagaji : F. 1-2 EB. 3 $445-$560 sebulan.

2. TUKANG KEBUN/ PEMBERSIH :

(Bilangan Kod : 068 62 742).

3. PENCUCI :

(Bilangan Kod : 068 55 — 292).

Tanggagaji bagi Jawatan (2) & (3) : F. 1-2-3 EB. 4 — $445-$650 sebulan.

Kelayakan :

a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.
b) Berbadan sihat dan telah berpengalaman sebagai Penjaga atau Tukang Kebun/Pembersih atau Pencuci.
c) Tinggal di kawasan yang berdekatan merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab bagi Jawatan Tukang Kebun/Pembesih.

Menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penjagaan bunga di Muzium Brunei, Muzium Teknologi Melayu dan di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab bagi Jawatan Pencuci :

Bertugas di semua cawangan serta bahagian Jabatan Muzium Brunei. Bersedia bertukar dari satu bahagian/ cawangan ke satu cawangan yang lain.

4. TUKANG KAYU TINGKAT I :

(Bilangan Kod : 068 95 — 411).

Kelayakan :

Tanggagaji : E. 3 EB. 4 — $660-$875 sebulan.

a) Hendaklah berumur tidak kurang 20 tahun.
b) i) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu sekurang-kurangnya selama satu tahun.
   ATAU
   ii) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu sekurang-kurangnya selama 5 tahun.
c) Mempunyai kecekapan dalam menggunakan perkakas tukang kayu dan alat-alat yang menggunakan tenaga letrik adalah merupakan satu kelebihan.
d) Mengetahui jenis-jenis kayu dan tahu membuat perkiraan mengenainya adalah juga merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Bertugas di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jabatan Muzium Brunei dalam mengendalikan kerja-kerja pertukangan kayu.

5. TUKANG KAYU TINGKAT II :

(Bilangan Kod : 068 95 — 412).

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5— $550-$700 sebulan.

Kelayakan :

a) Umur tidak kurang dari 20 tahun.
b) i) Sijil dalam kursus Praktikal Pertukangan Kayu (carpentry) dari Maktab Teknikal Brunei.
   ATAU
   ii) Berpengalaman dalam pertukangan kayu tidak kurang dari 3 tahun dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut :--
   — Dalam hal-hal pertukangan kayu dan mengetahui jenis-jenis kayu.
   — Tahu merancang rangka dan mengadakan lukisan-lukisan bagi kerja-kerja · yang diarahkan
   — Boleh menaksirkan perbelanjaan - perbelanjaan yang dikehendaki di atas satu-satu pertukangan tersebut
   — Boleh mengerjakan lukisan yang disediakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Bertugas menjalankan kerja-kerja pertukangan kayu di Muzium Brunei, Kota Batu.

6. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III :

(Bilangan Kod : 068 39 — 143).

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

Ke'ayakan :

a) Umur tidak kurang dari 18 tahun.
b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.
   ATAU
   ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.
c) Berpengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab akan diberi keutamaan.
d) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

Bertugas di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

7. PEMANDU KERETA :

(Bilangan Kod : 068 98 — 508).

Tanggagaji : E. 1 EB. 2 — $515-$645 sebulan.

Kelayakan :

a) Berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
b) Mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

8. PENYAMBUT TETAMU/OPERATOR TELEFON :

(Bilangan Kod : 068 39 — 414).

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

Kelayakan :

a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
   · ATAU
   ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan serta mempunyai pengalaman sebagai Penyambut Tetamu/ Telefon Operator tidak kurang dari 3 tahun.
b) Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 6 Jun, 1987.

(E/2251/81).
(Bilangan Pendaftaran : 41/1987).

## TAWARAN JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Rabu 27 Mei 1987 bagi perkara-perkara berikut .

| | |
|---|---|
| JP BIL. 29/1987: | Memelihara dan Mengendalikan Dry Rendering Plant di Rumah Sembelih Mulaut |
| JP BIL. 30/1987: | Membekal Kubota Walk Behind Tiller Model AT25 |
| JP BIL. 31/1987: | Membekal Refrigerator/Freezer |
| JP BIL. 32/1987: | Membina Lantai dan Parit Simen di Stesen Pertanian Tanah Jambu |
| JP BIL. 33/1987: | Membersih Satu Kawasan 8 Hektar (20 Ekar) di Stesen Pertanian Batang Mitus |
| JP BIL. 34/1987: | Membekal Makanan Ternakan Ayam bagi tahun 1987/1988 |
| JP BIL. 35/1987: | Membekal Vetscan 2 Complete with Camera |
| JP BIL. 36/1987: | Membekal Baja NPK 12:12:17:2 + TE |
| JP BIL. 37/1987: | Membekal Baja NPK 15:15:15 |
| JP BIL. 38/1987: | Membekal Baja Cirp |
| JP BIL. 39/1987: | Membekal Baja Urea |
| JP BIL. 40/1987: | Membekal Baja Triple Super Prosphate |
| JP BIL. 41/1987: | Membekal Baja Limestone |
| JP BIL. 42/1987: | Membekal Baja Muriate of Potash |
| JP BIL. 43/1987: | Membekal Baja Tahi Ayam |
| JP BIL. 44/1987: | Membekal Baja Kieserite |
| JP BIL. 45/1987: | Membekal Racun Tamaron |
| JP BIL. 46/1987: | Membekal Racun Sevin |
| JP BIL. 47/1987: | Membekal Racun Lannate |
| JP BIL. 48/1987: | Membekal Racun Gamma BHC |
| JP BIL. 49/1987: | Membekal Racun Bavistin |
| JP BIL. 50/1987: | Membekal Racun Dithane |
| JP BIL. 51/1987: | Membekal Racun Benlate |
| JP BIL. 52/1987: | Membekal Racun Round Up |
| JP BIL. 53/1987: | Membekal Racun 2, 4-D Amine |
| JP BIL. 54/1987: | Membekal Racun Matikus |
| JP BIL. 55/1987: | Membekal Racun Ratkil |
| JP BIL. 56/1987: | Membekal Racun Furadan |
| JP BIL. 57/1987: | Membekal Racun Siputox |
| JP BIL. 58/1987: | Membekal Racun Rocide |
| JP BIL. 59/1987: | Membekal Racun Kaptan |
| JP BIL. 60/1987: | Mencat Stor Baja Pejabat Pengembangan Birau |
| JP BIL. 61/1987: | Membina Jeti Pejabat Pengembangan Rambai |
| JP BIL. 62/1987: | Memagar Kawasan Pejabat Pengembangan Rambai |
| JP BIL. 63/1987: | Membekal Chiller |
| JP BIL. 64/1987: | Membekal Perahu Panjang |
| JP BIL. 65/1987: | Membekal Flatbed Truck |
| JP BIL. 66/1987: | Membekal 7HP Tractor |
| JP BIL. 67/1987: | Membekal Tree Lifter |
| JP BIL. 68/1987: | Membekal Chipper/Shredder |
| JP BIL. 69/1987: | Membekal Aerial Lift |
| JP BIL. 70/1987: | Membekal Kubota Reaper AR120 |
| JP BIL. 71/1987: | Membekal Portable Thresher |
| JP BIL. 72/1987: | Membekal Kubota Excavator |
| JP BIL. 73/1987: | Membekal Power Tiller |
| JP BIL. 74/1987: | Membekal Power-Tiller Trailer |
| JP BIL. 75/1987: | Membekal Foddercuter |
| JP BIL. 76/1987: | Membekal Rotavator |
| JP BIL. 77/1987: | Membekal Water Tanker |
| JP BIL. 78/1987: | Membekal Meteorological Equipment-Rainfall Recorder |
| JP BIL. 79/1987: | Membekal Discp'ough |
| JP BIL. 80/1987: | Membekal Discharrow |
| JP BIL. 81/1987: | Membekal Mesin Rumput |
| JP BIL. 82/1987: | Membekal Beaver Cutter |
| JP BIL. 83/1987: | Membekal Chainsaw |
| JP BIL. 84/1987: | Mebmekal Sealed Digester Block |
| JP BIL. 85/1987: | Membekal dan Memasang Wind Speed. |

2. Lembaga Tawaran Kecil hanya akan menerima tawaran-tawaran yang datangnya dari Peti Tawaran Kecil sahaja dan tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang disediakan, bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan tawaran yang berkenaan dan tarikh tutup tawaran tersebut.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Pertanian (Bahagian Kewangan), Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran sebanyak $100.00 bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TAWARAN JABATAN PASUKAN BOMBA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 25 Mei, 1987 bagi membekalkan perkara-perkara di bawah untuk Jabatan Pasukan Bomba Brunei.

TAWARAN BIL. : 7/1987

Tajuk : "MEMBEKALKAN ALAT-ALAT PERKAKAS Khas BOMBA"

(a) Industrial Burn Pac BP 300
(b) Burn Pac BP 100
(c) Aquatic Search and Rescue Units
(d) Chemical Protection Suit c/w Boots
(e) Gas Protection Suit c/w Boots

Tarikh tutup : Hari Isnin 25 Mei, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00 (dua ratus ringgit).

TAWARAN BIL. : 8/1987

Tajuk : "MEMBEKALKAN ALAT-ALAT PERKAKAS PENYELAMAT"

(a) 'HOLMATRO' Multi-Purpose Spreader Model HMP 1425 H, Spreading — Cutting — Pulling c/w set A and set B and recommended Hydraulic oil used.
(b) 'HOLMATRO' Hydraulic Twin Plunger Rams Model RAM 1068 complete set.
(c) Safety Belt.

Tarikh tutup : Hari Isnin 25 Mei, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00 (dua ratus ringgit).

2. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pemangku Pegawai Pemerintah Turus, Ibu Pejabat Pasukan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

4. Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayarannya dengan wang tunai sahaja.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TAWARAN JKR, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR KB 24 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas AX untuk :

PROJEK No. : AR507/2202
MEMPERBAIKI DAN MENINGGIKAN JALAN RAYA DI KAMPONG MUMONG KECIL PERPINDAHAN, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Mei, 1987.

Tarikh tutup : 18 Mei, 1987.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 127 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AR/000500
MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENDIRIKAN PAPAN TANDA LALU LINTAS DI KAWASAN DAERAH-DAERAH BRUNEI-MUARA, TUTONG DAN TEMBURONG BAGI TEMPOH SATU TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 18 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 128 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari mana-mana pemborong yang bersangkutan dengan kerja-kerja sampah sarap dan lain-lain untuk:

PROJEK No.: 87AR/24800
PENGANGKUTAN DAN PEMINDAHAN SAMPAH SARAP DARI KAWASAN TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH DI JALAN KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00

### BIL: JKR 129 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AR/PTN036 & 87AR/PTN037
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TANAH TIMBUS YANG DILULUSKAN BAGI CADANGAN JALAN MASUK DAN KAWASAN YANG BERDEKATAN UNTUK CADANGAN BENGKEL JABATAN PERTANIAN DI KILANAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 130 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Firma-firma Penyelidikan Tanah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya untuk:

PROJEK No.: 87AD/24100
CADANGAN KERJA-KERJA PENYELIDIKAN TANAH DI TAPAK BAGI PEMBINAAN TEMBUK LAUT DAN MENGAWAL HAKISAN TANAH BAGI CADANGAN RUMAH PANGSA "F" PERKHIDMATAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Mei, 1987. Tarikh tutup: 20 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 131 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87 AW/25301
MEMASANG DAN MENGGANTIKAN DARIPADA IMPERIAL KE METER AIR METRIK — BAHAGIAN I — NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 Mei, 1987. Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 132 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AW/25302
MEMASANG DAN MENGGANTIKAN DARIPADA IMPERIAL KE METER AIR METRIK — BAHAGIAN II — NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 Mei, 1987. Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 133 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AW/25303
MEMASANG DAN MENGGANTIKAN DARIPADA IMPERIAL KE METER AIR METRIK — BAHAGIAN III — NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 134 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AW/25304
MEMASANG DAN MENGGANTIKAN DARIPADA IMPERIAL KE METER AIR METRIK — BAHAGIAN IV — NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 135 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk:

PROJEK No.: 87AB/PTN007
PEMBINAAN SALURAN TELUK BAGI KOLAM AIR, TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 136 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PEL003
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BAHAGIAN DALAM ASRAMA LELAKI BAHAGIAN MENENGAH UNTUK MAKTAB S.O.A.S., BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 137 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL015
PEMBINAAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH MENGLAIT DI KAMPONG MENGLAIT, GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 138 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/JPK001
PEMBINAAN BAGI 6 UNIT TEMPAT LETAK KERETA BERTUTUP DAN JALAN MASUK KONKRIT TETULANG UNTUK KLINIK LAMUNIN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan [illegible] Berakas, Bandar Seri Begawan hingga [illegible] Sabtu 9 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 [illegible]

### BIL: JKR 139 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari [illegible] borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/0100
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR [illegible] BUS KE JALAN PENAPAR-TAN[illegible] MUKIM LAMUNIN, DAERAH [illegible] GARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan [illegible] Berakas, Bandar Seri Begawan hingga [illegible] Khamis 14 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 18 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL: JKR 140 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari [illegible] borong Kelas 'A' sahaja untuk:

PROJEK No.: AD506/1901
PEMBINAAN KOMPLEKS SEKOLAH [illegible] KOLAH RENDAH KAMPONG [illegible] GARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan [illegible] Berakas, Bandar Seri Begawan hingga [illegible] Khamis 14 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 18 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 [illegible]

### BIL: JKR 141 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari [illegible] borong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/DTU002
PEMBINAAN BALAI RAYA DI KAMPONG [illegible] MAYAN, TUTONG, NEGARA BRUNEI [illegible] SALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan [illegible] Berakas, Bandar Seri Begawan hingga [illegible] Sabtu 16 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 [illegible]

### BIL: JKR 142 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari [illegible] borong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PEL048
PEMBINAAN PAGAR BAGI SEKOLAH [illegible] SULTAN HASHIM BATU APOI AND [illegible] RENDAH PIASAU-PIASAU, TEMBURONG [illegible] GARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan [illegible] Berakas, Bandar Seri Begawan hingga [illegible] Sabtu 16 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 [illegible]

### BIL: JKR 143 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari [illegible] borong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/22503
PEMBINAAN PAGAR BAGI SEKOLAH [illegible] SULTAN HASSAN, BANGAR, TEMBURONG [illegible] GARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan [illegible] Berakas, Bandar Seri Begawan hingga [illegible] Sabtu 16 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 [illegible]

### BIL: JKR 144 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari [illegible] borong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PEL010
PEMBINAAN LALUAN BERATAP [illegible] JETTY KE SEKOLAH MENENGAH [illegible] SEMAUN, BANDAR SERI BEGAWAN, [illegible] BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan [illegible] Berakas, Bandar Seri Begawan hingga [illegible] Sabtu 16 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 [illegible]

### BIL: JKR 145 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari [illegible] borong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/000927
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA [illegible] RUHAN PUSAT TAHANAN, JALAN [illegible] DONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan [illegible] Berakas, Bandar Seri Begawan hingga [illegible] Sabtu 16 Mei, 1987.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Pegawai-Pegawai Kajian (Penyelia dan Penemuduga)

MOHONAN adalah di-wa dari pegawai dan tangan kerajaan dan g-orang awam untuk enuhi jawatan-jawatan entara sebagai Pegawai-wai Kajian (Penyelia dan muduga) di Unit Peran- Ekonomi, Kementerian angan, Negara Brunei ssalam bagi Kajian Per-njaan Keluarga 1987/ . Kajian peringkat ke-akan dimulakan dari bu- April hingga bulan Jun .

yakan :

YELIA

emohon-pemohon mestilah iri dari pegawai dan kaki-an kerajaan dalam Baha- III ke atas. Keutama- adalah diberikan ke- pemohon-pemohon yang punyai pengalaman da- Banci Penduduk, Banci anian, Pengkajian Demo- dan lain-lain pengkajian telah dijalankan dahulu.

EMUDUGA

emohon-pemohon mestilah iri daripada kakitangan-tangan kerajaan dan awam yang mempunyai usan sekurang-kurangnya katan III. Keutama-an adalah diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam Banci Penduduk, Banci Pertanian, Pengkajian Demografi dan lain-lain pengkajian yang telah dijalankan dahulu.

**Tugas**

a) PENYELIA

Menghadiri latihan selama lebih kurang tiga (3) hari.

Meninjau kawasan yang diperuntukkan kepadanya bersama penemuduga masing-masing.

Mengawas dan mempastikan Kajian Perbelanjaan itu dilakukan dengan lengkap dan sempurna oleh penemuduga-penemuduga di dalam masa tempoh kajian itu dijalankan. Kerja-kerja ini dijalankan selepas waktu bekerja biasa sahaja iaitu selepas 4.30 petang.

b) PENEMUDUGA

Menghadiri latihan selama lebih kurang tiga (3) hari.

Meninjau kawasan yang diperuntukkan kepadanya bersama penyelia masing-masing.

Menemuduga dan seterusnya menyemak butir-butir perbelanjaan harian yang telah diisikan oleh setiap keluarga yang terpilih. Kerja kerja ini dijalankan selepas waktu bekerja biasa sahaja iaitu selepas 4.30 petang.

**Pembayaran Sagu Hati dan Elaun Perjalanan**

Bayaran-bayaran sagu hati seperti berikut akan dibayar kepada calon-calon yang berjaya :

Penyelia — $345.00 sebulan

Penemuduga — $277.50 sebulan

Elaun perjalanan juga akan ditetapkan pembayarannya mengikut jarak jauh seseorang penyelia/penemuduga itu ditugaskan.

**Borang Permohonan**

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam atau daripada Pejabat-pejabat Daerah dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 23 Mei, 1987 kepada pejabat-pejabat yang tersebut di atas.

Kakitangan-kakitangan kerajaan yang berminat hendaklah mengembalikan borang-borang permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan masing-masing.

Borang-borang yang diterima lewat dari tarikh yang dikehendaki tidak akan dipertimbangkan.

Keputusan Penguasa Kajian ke atas permohonan bagi Pegawai-pegawai Kajian adalah muktamad.

## JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. JL/6/87

Tawaran-tawaran akan diterima dari pembekal-pembekal yang berkelayakan bagi THE SUPPLY OF DIVING EQUIPMENT AND TRAINING OF DIVERS, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran : $50.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. JL/11/87

Tawaran-tawaran akan diterima dari limbungan kapal kategori MEA kelas 2 dan 3 atau dari limbungan kapal lain yang berkebolehan bagi DRYDOCKING AND HULL REPAIRS OF M.L. MUARA, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran : $100.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. JL/12/87

Tawaran-tawaran akan diterima dari limbungan kapal kategori MEA kelas 2 dan 3 atau dari limbungan kapal lain yang berkebolehan bagi DRYDOCKING AND REPAIRS OF PILOT VESSEL SERI KUALA, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran : $100.00.

Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari pejabat Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam setelah membayar wang cagaran seperti yang dinyatakan.

Tarikh tutup : 27 Mei, 1987 jam 3.00 petang.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN GKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

at-syarat Tawaran

AWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke alam Peti Tawaran, engerusi Lembaga Tawaran Negara, Bangunan ementerian Kewangan, ingkat 4, Jalan James earce, Bandar Seri Beawan, Negara Brunei arussalam tidak lewat ari jam 12.00 tengah ari, hari Isnin 1 Jun, 987.

okumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran an Sebutharga Jabatan rah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison masa hari-hari bekerja snin hingga Jumaat).

awaran-tawaran hendakh dihantar dalam sampul surat biasa dan henaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah ri sampul surat hendakh ditunjukkan rujukan an tajuk tawaran sertimana yang diiklanan dan tarikh tutup taaran itu. Contoh-contoh au katalog-katalog asal esti'ah dihantar ke Unit awaran dan Sebutharga, Jabatan Arah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada pembekal yang menghantar tawaran jujur (bonafide tender) setelah mengetahui pembekal vang berjaya.

BIL. : MINDEF/DFP/STB/P RC 9
MEMBEKAL : ARDROX PRODUCTS (2 years running contract)
Cagaran : $150.00

BIL. : MINDEF/DFP/STB/P RC 11B
MEMBEKAL : CURTAIN/CUSHION COVERS
Cagaran : $150.00

BIL. : MINDEF/DFP/STB/P RC 49
MEMBEKAL : ICL COMPUTERS/PRINTERS/MICRO PROCESSOR.
Cagaran : $150.00

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL. : PPL/MTB/105/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF PRE-FILTERS FOR A/C FOR RIPAS HOSPITAL.

Tarikh tutup: 3 Jun, 1987.

Cagaran : $100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL. : PPL/MTB/114/1987**

baga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY OF DELIVERY OF THORN LIGHTING SPARES.

Tarikh tutup : 13 Mei, 1987.

Cagaran : $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL. : PPL/MTB/115/1987**

Tajuk kerja : MENGGANTI DAN MEMELIHARA ALAT HAWA DINGIN JENIS CENTRAL DI SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH, KUALA BELAIT UNTUK SELAMA SATU TAHUN.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 20 Mei, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B" Hawa Dingin.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL. : PPL/MTB/119/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF DECORATIVE MINIATURE LIGHTS.

Tarikh tutup : 27 Mei, 1987.

Cagaran : $100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL. : PPL/MTB/124/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF FL. TUBE, BALLAST AND STARTER.

Tarikh tutup : 27 Mei, 1987.

Cagaran: $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL. : PPL/MTB/134/1987**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 13 Mei, 1987 bagi kerja-kerja berikut :—

EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY AT KAMPONG DADAP, KILANAS, JALAN TUTONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 146 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 87AB/22405
PEMBINAAN STOR BAGI SEKOLAH RENDAH LUMAPAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 Mei, 1987.

Tarikh tutup : 20 Mei, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 147 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 87AW/000700
MEMBUAT DINDING LAPISAN TANGKI AIR BESI 400 GELEN YANG SEDIA ADA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 Mei, 1987.

Tarikh tutup : 20 Mei, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan Bangunan 150, Bolkiah Garison, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 19 Mei, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutharga Jabatanarah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutharga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL.: MINDEF/DFP/MTB/23/87

TENDER: IMPROVEMENT OF SPORTS, RECREATIONAL AND ATTENDANT STRUCTURES AND FACILITIES.

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B".

PROJEK No.: DDWS/GRU/87/01

Cagaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

## JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi The Supply, Delivery and Training of Phone Booths.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari 12 tengah hari, hari Isnin 15 Jun, 1987. Tawaran-tawaran yang lewat dari tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran yang terpilih akan dikehendaki menghantar contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan penendar sendiri kepada Pengarah Telekom, Rumah Telekom, Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 21 hari selepas pemberitahuan.

4. Penendar-penendar yang terpilih dengan perbelanjaan mereka akan dikehendaki untuk memasang dan menunjukkan pengendalian sistem tersebut kepada Pengarah Telekom atau wakil. Contoh-contoh sistem akan dikembalikan kepada penendar-penendar yang tidak berjaya dengan perbelanjaan mereka.

5. Jika penendar-penendar gagal menghadapkan contoh atau gagal memasang dan menunjukkan sistem dalam masa yang ditentukan, tawaran-tawaran dikira batal.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemborong :—

TENDER FOR THE SUPPLY, DELIVERY AND TRAINING OF PHONE BOOTHS.

Tender Ref: JTB/OM/1/1987

7. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Tingkat Satu, Jalan Istana Darussalam Bandar Seri Begawan dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah $50.00 (tidak dikembalikan) dan $1,500.00 (dikembalikan).

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau dengan Cek Tempatan berserta dengan Bank Guarantee.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang bera'amat seperti di atas tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin, 25 Mei, 1987.
2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang bertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal di sampul surat tersebut. Bagaimanapun Bilangan Nombor rujukan (Ref No.) dan tarikh tutup tawaran hendaklah ditulis dengan jelas.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut boleh didapati dengan membuat permohonan kepada Pengarah Penyiaran dan Penerangan UP: Jurutera Penguasa, Jabatan Penyiaran dan Penerangan (Radio Televisyen Brunei), Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Bilamana dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, tawaran hendaklah menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
6. Jika cagaran tawaran dikehendaki, ianya akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang tulen (bona-fide tender).
7. Semua tawaran-tawaran, yang dimestikan memberi harga bersih CIF melalui penghantaran udara, hendaklah menyatakan tarikh terakhir bagi pengiriman barang-barang/tarikh terakhir siap perkhidmatan. Jika pemborong yang berjaya gagal memenuhi tarikh ini maka Pengarah Penyiaran dan Penerangan adalah berhak membatalkan pembeliannya terutama sekali jika perkara seperti ini akan menjejaskan perjalanan operesen Radio Televisyen Brunei. Jika ini berlaku cagaran tawaran yang dibayar akan diambil milik.
8. Jaminan masa dan syarat-syarat hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam tawaran.
9. Pemborong-pemborong bertuju bahawa harga-harga tawaran sah bagi tempoh sekurang-kurangnya sehingga 90 hari dari tarikh tutup tawaran.
10. Bagi pembekalan barang daripada syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam tidak dibenarkan dihantar terus kepada Jabatan Penyiaran dan Penerangan daripada pihak pembekal atau pengeluar luar negeri dan oleh yang demikian mestilah memasukkan 20 peratus cukai import (jika dikenakan cukai).
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

**TAWARAN BIL.: RTB/08/87 — PEMBEKALAN "NON-METALLIC ROPE AND FITTINGS"**

1. Tawaran-tawaran akan diterima daripada pembekalan "non-metallic rope" di bawah tajuk berikut: —

   PEMBEKALAN "NON-METALLIC ROPE AND FITTINGS"
2. Dokumen-dokumen tawaran dan butir-butir lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Jurutera Penguasa, RTB semasa waktu bekerja mulai dari tarikh penyiaran tawaran sehingga hari bekerja terakhir sebelum tarikh tutup tawaran.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 26 Mei, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

**TAWARAN BIL.: 26/1987**

GALVANISED, CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967, CLASS MEDIUM, SCREWED AND SOCKETED ENDS, IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO DSPT, AND PROTECTED AGAINST DAMAGED.

Size: 2½" — 500 Lens.

**TAWARAN BIL.: 27/1987**

(a) Lock, Pad with Steel Shackle Size: 2½" 'UNION' 3104 or 'YALE' 110-60 Only — 1,200 Nos.
(b) Mortice Sash Lock, CP2 Level CZ-682-24-95 CH 2½" "UNION" No. 2295 — 1,500 Sets
(c) Lockset Alpha — Series 8000 Type: 80625TR US32D — 1500 Nos.

**TAWARAN BIL.: 28/1987**

MACHINE PEMOTONG KAYU (CHAIN SAW) "HUSQVARNA" ATAU SEBANDING

(a) Size: 22" — 5 Nos.
(b) Size: 28" — 5 Nos.
(c) Size: 30" — 5 Nos.
(d) Size: 38" — 2 Nos.

**TAWARAN BIL.: 29/1987**

(a) Short Wheel Base Pick Up with Petrol Driven Engine — 1 Unit
(b) Four Ways Reach Fork Truck (Forklift) for lifting and stacking long items — 1 Unit

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa wakau-waktu bekerja.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BLI.: PPL/MTB/111/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF PHOSCO COMPOUND LIGHTING SPARES.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.

Cagaran: $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/117/1987**

Tajuk kerja: MENGGANTI DAN MEMELIHARA ALAT HAWA DINGIN JENIS CENTRAL DI BANGUNAN JABATAN POS, KUALA BELAIT UNTUK SELAMA DUA TAHUN.

Cengkeram: $200.00.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" Hawa Dingin.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhdimatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL.: PPL/MTB/120/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF WASHING MACHINE AND ELECTRIC IRON FOR MAKTAB SAINS.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1987.

Cagaran: $200.00.

Dokumen dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/TB/17/1987**

Tajuk kerja: MENGGANTI DAN MEMELIHARA ALAT HAWA DINGIN JENIS CENTRAL DI PEJABAT LAUT / BANGUNAN KASTAM BANDAR SERI BEGAWAN UNTUK SELAMA DUA TAHUN.

Cengkeram: $200.00.

Tarikh tutup: 18 Mei, 1987 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" Hawa Dingin.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL.: PPL/MTB/128/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF DECORATIVE [illegible] BELTS.

Tarikh tutup: [illegible]

Cagaran: [illegible]

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada hari Isnin 18 Mei, 1987 jam 12.00 tengah hari bagi perkara berikut: —

| Tawaran Bil.: | Keterangan | Wang Cagaran |
|---|---|---|
| DMS/43/1987 | Membekal, Menghantar Memasang dan Komisen 1 Unit Universal Woodworking Machine | $100.00 + $ 15.00 (dokumen) |
| DMS/44/1987 | Membekal, Menghantar Memasang dan Komisen Alat-alat Makmal Pergigian Tutong | $300.00 + $ 25.00 (dokumen) |
| DMS/45/1987 | Membekal dan Menghantar Dental Supplies Part II bagi tempoh dua tahun | $300.00 + $ 20.00 (dokumen) |

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.
4. Semua tawaran hendaklah dihantar da'am sampul surat tertutup dan ditulis dengan bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:

   Pengerusi,
   Lembaga Tawaran,
   Tingkat 4,
   Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

| Bil. Tawaran | Keterangan |
|---|---|
| UBD/E8/7/87 | Membekal dan Menghantar "EQUIPMENT FOR CHEMISTRY LAB." |
| UBD/E8/8/87 | Membekal dan Menghantar "EQUIPMENT FOR PHYSICAL GEOGRAPHY LAB" |
| UBD/E8/9/87 | Membekal dan Menghantar "LECTURE CHAIRS WITH TABLET ARM" |

**Syarat-syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan [illegible] tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah [illegible] dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.

   Tingkat Satu,
   Kementerian Pelajaran,
   Lapangan Terbang Lama,
   Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu [illegible] 1987.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari [illegible] jam ditetapkan tidak akan diterima dan [illegible]
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam [illegible] yang bertutup. Pada bahagian atas sampul [illegible] daklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran [illegible] yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran [illegible] menunjukkan identiti pembekal/pemborong [illegible] kepada:

   Pengerusi,
   Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pelajaran,
   Tingkat Satu,
   Lapangan Terbang Lama,
   Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-[illegible] yang lanjut bolehlah diperolehi dari Universiti [illegible] Darussalam.

   Waktu menerima cagaran tawaran adalah [illegible] berikut: —

   Isnin-Khamis : 9.00 pagi — 1.00 [illegible]
   Sabtu : 9.00 pagi — 10.30 [illegible]
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan [illegible] TUNAI pada setiap tawaran. Cagaran akan [illegible] kan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya [illegible] menghantar tawaran yang jujur (bona-fide [illegible]
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan [illegible] kan borang-borang tawaran dan sarung surat [illegible] disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian [illegible] akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka [illegible] Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara [illegible] Darussalam tidak semestinya menerima tawaran [illegible] yang rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di: —

Tingkat 4,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup yang dinyatakan.

2. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapatkan dari: —

Ketua Jabatan "C",
Ibu Pejabat Polis Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

Nombor Tawaran: [illegible]
SPECIAL TOOLS V4 ENGINE
(Tarikh tutup: 16 Mei

NOMBOR TAWARAN 4/1987
OVERHAUL OF THE OVERHEAD CRANE SHIPWAY AT THE ROYAL BRUNEI MARINE POLICE [illegible] MUARA.
(Tarikh Tutup: [illegible] 1987).

## NEGARA SERTAI SUKAN SEA KE-14 DI JAKARTA

# Kontingen kita dijangka berjumlah 180 orang

EBAWAH Duli Yang Maha ulia Paduka Seri Baginda ltan dan Yang Di-Pertuan egara Brunei Darussalam ah mengurniakan perkenan gi negara ini menghantar sukan menyertai Sukan A ke-14 di Jakarta epublik Indonesia, ptember depan.

Serentak dengan itu, ginda juga berkenan lantik Dato Paduka Awang ji Mohd. Ali bin Haji ohd. Daud, Timbalan nteri Kebudayaan, Belia n Sukan sebagai Chief de ssion ke kejohanan itu.

Menteri Kebudayaan, Belia n Sukan, Yang Berhormat hin Jawatan Luar Pekerma ja Dato Seri Paduka Awang ji Hussien memberitahu kara itu dalam satu per- npaan mengenai persedia- negara ke Sukan SEA di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan pada 29 April lepas.

Antara yang hadir di perjumpaan itu ialah Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei, Yang Dipertua Majlis Sukan ABDB, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, pengerusi-pengerusi daripada badan-badan perniagaan yang mewakili badan-badan swasta dan Yang Dipertua badan-badan sukan.

Menurut Yang Berhormat kontingen negara ini ke Sukan SEA itu berjumlah kira-kira 180 orang peserta termasuk pegawai dan jurulatih.

Perjumpaan itu antara lain membincangkan tentang persediaan-persediaan yang dilakukan termasuk kerjasama daripada wakil-wakil bukan pertubuhan kerajaan. Dalam pada itu perjumpaan itu juga merancang pelbagai perkara supaya pencapaian mutu para atlit dapat disaingkan dengan rekod-rekod sukan yang lain.

Menurut Yang Berhormat, beliau juga difahamkan satu jawatankuasa pemilihan bagi mengkaji serta mengawasi latihan asas dan pemusatan akan dihasilkan oleh satu jawatankuasa yang akan menentukan serta memutuskan tentang pencapaian serta disiplin para atlit yang menjalani latihan tersebut.

Dalam pada itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menggesa pihak-pihak berkenaan memberikan pelepasan kepada para atlit di masa-masa yang dikehendaki.

'Badan-badan sukan diminta supaya akan dapat menghadapkan nama-nama para atlit ke JKBS agar kebenaran dan pelepasan mereka daripada tugas-tugas," ujarnya.

## Untuk mencari bakat baru

# Persatuan sukan digesa adakan latihan secara bersistematik

ENTERI Kebudayaan Belia Sukan, Yang Berhormat hin Jawatan Luar Pekerma ja Dato Seri Paduka Awang ji Hussien menggesa rsatuan-persatuan sukan gara ini supaya sentiasa mengadakan kegiatan-kegiatan sukan sepanjang tahun bagi memilih bakat-bakat baru yang berpotensi untuk dilatih secara bersistematik.

"Bakat-bakat yang berpotensi akan dapat dilihat bagi dipilih untuk menjalani latihan yang lebih teratur dan bersistematik bagi membolehkan mereka mencapai 'Sport Excellence' dengan bantuan jurulatih-jurulatih profesional yang telah dirancangkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," kata Yang Berhormat.

Ke arah itu, Yang Berhormat berharap masyarakat akan sama-sama menggalakkan generasi-generasi muda menyertai semua rancangan-rancangan belia dan sukan dengan tidak mengira sama ada dianjurkan oleh Kerajaan atau persatuan-persatuan kerana ianya bermatlamatkan sebagai tanggungjawab atau 'National Commitment.'

"Oleh yang demikian dorongan moral dan galakan ibu bapa dan masyarakat adalah sebagai salah satu penggalak dalam memupuk semangat kesukanan kepada atlit-atlit, khususnya generasi muda," jelas Yang Berhormat ketika merasmikan Kejohanan Olahraga Kebangsaan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Ahad lepas.

Bercakap mengenai olahraga, Yang Berhormat mengatakan ianya merupakan satu asas utama dalam sukan dan atlit-atlit yang cemerlang boleh menjadi pemain-pemain yang baik dalam sukan.

Seramai 140 olahraga daripada keempat daerah negara ini menyertai kejohanan itu dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

## BELIA & SUKAN



NTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan mengalungkan pingat kemenangan da peserta yang berjaya. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien diperkenalkan kepada peserta-peserta Kejohanan Olahraga antara daerah-daerah. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

# Hadiri Persidangan Belia ASEAN di Jepun

BERAKAS. — Seramai enam orang bekas peserta rancangan Kapal Belia Asia Tenggara telah menghadiri persidangan Belia ASEAN 1987 di Tokyo, Jepun. Persidangan tersebut dijangka berakhir hari ini.

Peserta-peserta itu terdiri dari Awang Abdul Hamid Abas (Ketua), Awang Taha Haji Metahir, Awang Moksin Haji Omar, Awang Abdul Rahman Haji Habibullah, Awang Md. Jamil Md. Yusof dan Dayangku Zaliha Pengiran Sulaiman.

Peserta-peserta ini adalah terdiri dari ahli-ahli persatuan bekas peserta Kapal Belia Asia Tenggara (Bersatu).

Perjumpaan itu adalah dikhususkan bagi bekas peserta-peserta Kapal Belia Asia Tenggara dari negara-negara ASEAN dan Jepun yang bertujuan bagi menggalakkan dan mengukuhkan lagi persefahaman dan persahabatan secara berterusan di kalangan belia-belia ASEAN dan Jepun.







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima mengadap Puan Lourdes Abaquin, isteri Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Tuan Yang Terutama, Tuan Atty Eusebio A Abaquin.**

**Istiadat mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini pada 25 April lepas.**

**Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga telah berkenan menerima mengadap Puan Lourdes Abaquin di Istana Nurul Izzah, Jerudong pada 28 April. — Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.**

## Kunjungan muhibah

JALAN SUBOK. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima kunjungan hormat Duta Besar Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Barrington King yang akan menamatkan tempoh perkhidmatannya selaku duta ke negara ini.

Kunjungan hormat itu telah berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di sini pada 29 April yang lalu.

Tuan Yang Terutama Barrington King telah menyembahkan surat tauliah perlantikan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di satu istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada bulan Mei 1984.

## Perubahan lalulintas

**Dari muka 1**

Sementara itu sebahagian Jalan Sultan, iaitu antara Jalan Pemanca dan Jalan Mac Arthur ditutup daripada lalulintas dan akan dijadikan sebagai "Shopping Mall" atau halaman membeli belah.

Berhubung dengan penutupan itu Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran menjelaskan sepanjang bulan puasa ini kawasan berkenaan akan dijadikan sebagai "Pasar Ramadan" yang bermula pada pukul 7.30 malam hingga 10.30 malam.

Antara barang-barang yang dijual nanti ialah barang-barang pakaian sempena menyambut hari raya dan tidak termasuk barang-barang basah.

Beliau membayangkan barang-barang yang terdapat di Pasar Ramadan itu nanti mempunyai harga yang murah, memandangkan pihak Lembaga Bandaran tidak mengenakan apa-apa sewa dan seterusnya dapat membantu orang-orang berpendapatan rendah berbelanja di sana.

"Kami harap barang-barang yang dijual itu lebih murah daripada barang-barang yang sama yang terdapat di kedai sewa. Jadi bebanan orang ramai yang berpendapatan rendah dapat dikurangkan," jelasnya.

Pasar Ramadan itu juga bertujuan untuk memberikan peluang anak-anak tempatan menceburkan diri di dalam lapangan perniagaan, selain memberikan kemudahan kepada orang ramai berbelanja bagi keperluan persiapan hari raya.

**Berfikirlah dalam metrik**

### Menyebarluaskan fahaman ugama Islam

# K'JAAN SEDIAKAN PERUNTUKAN KEWANGAN YANG BESAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam usaha memperkembangkan ajaran Islam di negara ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar kewangan dengan tujuan semata-mata bagi menyerap dan menyebarluaskan fahaman ugama Islam dengan cukup berkesan.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi berkata, Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat dan penduduk negara untuk mereka memperlengkapkan diri dengan ajaran ugama.

"Dengan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan sehingga kini, maka tiada sebab dan alasan bagi seseorang menafikan bahawa mereka masih jahil dalam kepakaran berugama," tegas beliau.

Berkata demikian selaku tetamu kehormat di Pertandingan Membaca Al-Quran bahagian belia peringkat Daerah Brunei-Muara yang berlangsung pada malam Selasa, 28 April lepas, Awang Haji Ahmad menegaskan, sebagai rakyat yang mempunyai daya pemikiran dan penilaian yang rasional tentulah mengakui bahawa kepesatan kemajuan ugama di negara ini adalah sangat menggalakkan.

Katanya, kita telah berusaha menegakkan kesedaran berugama di semua lapisan masyarakat, berusaha menyampaikan mesej ajaran berugama dengan beberapa cara dan kaedah di semua pelusuk negara.

Beliau menambah, bagaimanapun pesatnya perkembangan itu, di sudut negatifnya masih terdapat segelintir umat Islam yang seolah-olah masih belum dapat ditakluki dengan ajaran Islam, "Berani secara terang-terangan melakukan sesuatu melanggar prinsip dan ajaran berugama, melakukan jenayah, menyalahgunakan dadah, melakukan peras ugut dan seumpamanya," katanya.

Gejala-gejala itu, menurutnya, meskipun sifat dan bentuknya kecil tetapi amat membahayakan, sukar dibasmi yang akan mengakibatkan kehancuran dan permusuhan.

Pertandingan anjuran Majlis Belia Brunei (MBB) malam itu berlansung di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, dan disertai oleh sepuluh orang qari dan lapan orang qariah.

Pengerusi pertandingan malam itu, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid berkata, pertandingan itu antara lain bertujuan bagi menanamkan semangat keislaman kepada para belia menerusi membaca Al-Quran. Program seumpama itu juga diharapkan sedikit sebanyak sebagai penghalang kepada gejala-gejala buruk penyakit masyarakat seperti penyalahgunaan dadah, sifat sipugut, perosak dan sebagainya.

Awang Hassan bin Haji Taha dan Dayang Noridah binti Haji Zainal, kedua-duanya dari Pe... pong Saba (PE... jaya terpilih ... Daerah Bru... bahagian qari ... pertandingan ... negara yang ... kemudian. Ha... para pemenang ... paikan oleh Peng... Bahasa dan Pu... Haji Ahmad bin ...

## Penyertaan yang lebih aktif

**Dari muka 1**

"Peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu di negara ini perlu menunjukkan perpaduan yang erat, selain sentiasa mengekalkan kepercayaan terhadap jentera-jentera Kerajaan seperti Kementerian Pembangunan," jelasnya.

Terdahulu dari itu Dato Paduka Haji Selamat menyatakan projek-projek dan program-program di bawah RKN ke-5 giat berjalan dan akan menambahkan lagi peluang-peluang kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha merebut peluang tersebut.

Beliau menggariskan peluang-peluang yang boleh direbut dalam RKN ke-5 itu termasuklah bidang-bidang pembinaan serta yang berkait rapat dengannya.

Di dalam hubungan ini jelasnya, maklumat-maklumat mengenai penyertaan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu di dalam kategori-kategori tertentu, adalah menggalakan.

Bagaimanapun, katanya usahawan Melayu masih lagi perlu meningkatkan penyertaan mereka yang lebih aktif untuk mempertahankan kedudukan dan memperbaiki 'competence' kontraktor-kontraktor Melayu di dalam bidang yang penting untuk pembangunan negara.

## Perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Te... Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Hi... Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Mente... Luar Negeri telah berkenan menghantar peru... kepada Tuan Yang Terutama Tuan Sten Anders... Hal Ehwal Luar Sweden sempena hari ulang tahun ... Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja ... yang jatuh pada 30 April lepas.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan ... perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama ... Den Broek, Menteri Hal Ehwal Luar Netherlands ... ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Bag... Koningin Beatrix Wilhelmina Armgard, Queen ... yang juga jatuh pada hari tersebut.

Dalam kedua-dua perutusan itu, Duli Yang Te... berharap agar kemakmuran dan kemajuan kedua-... negara tersebut akan sentiasa berterusan bagi ... faedah rakyat kedua-dua buah negara.

**Jadual Berbuka Puasa dan Imsak Sepanjang Bulan Ramadan 1407 H/...**

**WAKTU-waktu berbuka puasa, imsak dan ... bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai ... Rabu 6 Mei hingga ke hari Selasa 12 Mei, 1987 ... seperti di bawah ini :—**

| *Tarikh* | *Waktu Berbuka* | *Waktu Imsak* | [illegible] |
|---|---|---|---|
| 6.5.1987 | 6.27 petang | 4.42 pagi | [illegible] |
| 7.5.1987 | 6.27 petang | 4.41 pagi | [illegible] |
| 8.5.1987 | 6.27 petang | 4.41 pagi | [illegible] |
| 9.5.1987 | 6.27 petang | 4.41 pagi | [illegible] |
| 10.5.1987 | 6.27 petang | 4.40 pagi | [illegible] |
| 11.5.1987 | 6.27 petang | 4.40 pagi | [illegible] |
| 12.5.1987 | 6.27 petang | 4.40 pagi | [illegible] |

**Waktu-waktu berbuka puasa dan imsak bagi Daerah ... hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi ... Temburong hendaklah dikurangkan satu minit ... waktu.**

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.